



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR
SHAH ALAM**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PUAN NORAZIAN BINTI SALEHAN ARTIS
TANAH AIR MALAYSIA MENGENAI LATAR BELAKANG DAN PENGALAMAN
HIDUP SEORANG TOKOH VETERAN DALAM BIDANG SENI HIBURAN**

**KASHFUL ASRAR BIN SAIFUDDIN
(2020812748)
NUR ALIA FARINA BINTI TOHIR
(2020897554)**

SEMESTER OKTOBER 2022 - FEBRUARI 2023

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN SELANGOR
SHAH ALAM**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PUAN NORAZIAN BINTI SALEHAN ARTIS
TANAH AIR MALAYSIA MENGENAI LATAR BELAKANG DAN PENGALAMAN
HIDUP SEORANG TOKOH VETERAN DALAM BIDANG SENI HIBURAN**

**KASHFUL ASRAR BIN SAIFUDDIN
(2020812748)
NUR ALIA FARINA BINTI TOHIR
(2020897554)**

KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MEDIA

SEMESTER OKTOBER 2022 - FEBRUARI 2023

ISI KANDUNGAN

	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
<i>Roman</i> <i>Numerals</i>	Abstrak Penghargaan Abreviasi Singkatan Nama Rujukan Kata	i - ii iii iv v vi
1.0	Biodata Penemubual	1-2
2.0	Biodata Tokoh	3
3.0	Pengenalan Sejarah Lisan	4-5
4.0	Kajian Literatur	6-7
5.0	Transkrip Temubual	8-55
6.0	Log Temubual	56-60
7.0	Ralat	61
8.0	Ringkasan	62
9.0	Glosari	63-66
10.0	Indeks	67 - 69
11.0	Bibliografi	70
12.0	Lampiran 12.1 Proposal 12.2 Biografi Tokoh 12.3 Surat Perjanjian 12.4 Surat Penyelidikan 12.5 Surat Pengakuan 12.5 Senarai Soalan 12.6 Diari Penyelidikan 12.7 Gambar	71 - 106

Abstrak

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang berkecimpung dalam industri seni tanah air iaitu Khaty Azian. Ramai dalam kalangan masyarakat kini, terutamanya generasi yang baru dalam era ini tidak mengetahui secara langsung tentang kewujudan artis veteran yang mempunyai bakat seni yang tinggi dan berkualiti dalam pelbagai bidang dan perlu dihargai bakat seni yang dimiliki tokoh ini. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang salah satunya tokoh yang mempunyai bakat yang hebat dalam bidang seni ini, projek sejarah lisan ini akan membincangkan atau mencungkil tentang pengalaman beliau dalam bidang lakonan dan nyanyian. Bermula dari sejarah tentang salah seorang anak seni tanah air ini iaitu Khaty Azian, kajian ini turut memfokuskan secara menyeluruh tentang penglibatan tokoh dalam bidang industri seni, pencapaian, sumbangan, harapan serta isu-isu yang memerlukan pendapat beliau dalam bidang ini. Kajian ini bukan sahaja melalui Puan Khaty Azian sahaja, malah ianya juga turut diperolehi dari beberapa sumber yang lain bagi melihat sejauh mana kesahihan maklumat dalam kajian yang telah dilakukan. Implikasi kajian ini adalah terutamanya kepada pengkaji, pelajar dan orang awam. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa akan datang dapat mengenali dengan lebih mendalam tentang tokoh ini dan menghargai bakat yang dimiliki oleh beliau yang hebat di dalam bidang industri seni tanah air Malaysia.

Kata Kunci: *Sejarah lisan, Temu bual, lakonan, nyanyian*

Abstract

This transcript discusses the experience of a figure who is involved in the art industry of the country, namely Khaty Azian. Many today, especially the new generation in this era do not know directly about the existence of veteran artists who have high and quality artistic talent in various fields and should appreciate the artistic talent possessed by this figure. In addition to touching a little on the background of one of the figures who has great talent in this field of acting and singing. Starting from the history of one of the country's artists, Khaty Azian, this study also focuses comprehensively on the involvement of figures in the field of art industry, achievements, contributions, hopes and issues that require his opinion in this field. This study is not only through Mrs. Khaty Azian only, but it is also obtained from several other sources to see the extent of the validity of the information in the study that has been done. The implications of this study are mainly to researchers, students, and the general public. Through this oral history project, it is hoped that the outside community, especially future generations, will be able to know more about this figure and appreciate her great talent in the field of Malaysian art industry.

Keywords: *Oral history, Interviews, acting, singing*

PENGHARGAAN

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan menitipkan sebuah penghargaan kepada Puan Norazian Binti Salehan atau Puan Khaty Azian kerana sudi menerima pelawaan kami untuk menjadi tokoh di dalam tugas yang diberikan ini. Kami merasa bersyukur kerana beliau sudi untuk meluangkan masa untuk membantu kami melaksanakan tugas ini meskipun beliau mempunyai jadual yang padat dan sibuk. Oleh itu, kami mengucapkan penghargaan setingginya buat beliau. Tanpa bantuan yang diberikan oleh beliau, kami tidak akan dapat melaksanakan tugas ini dengan baik serta lancar.

Selain itu, kami turut ingin merakamkan sejuta penghargaan kepada pensyarah kami bagi subjek *Oral Documentation*, kod subjek IMR604 iaitu Encik Jafalizan Md Jali kerana telah memberikan bimbingan serta tunjuk ajar terhadap tugas sejarah lisan ini yang mana telah membantu kami dalam memperbaiki dan memberi nasihat sehingga tugas ini berjaya dilaksanakan dengan baik.

Seterusnya, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakantugasan ini sehingga berjaya. Dengan izin Yang Maha Kuasa, kami dapat menyelesaikan tugas kami dengan baik serta mengikut waktu yang telah ditetapkan. Tambahan pula, penghargaan buat rakan-rakan, ibu bapa keluarga yang mana telah banyak memberikan sokongan moral dalam menyelesaikan tugas ini. Akhir sekali, terima kasih sekali lagi bagi pihak-pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas yang penuh dengan cabaran ini.

ABREVIASI

PERKATAAN	MAKSUD
PJ	Petaling Jaya
BM	Bahasa Melayu
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TUDM	Tentera Udara Diraja Malaysia
KAS	Khaty Azian Salehan
KAS	Kashful Asrar bin Saifuddin
NAF	Nur Alia Farina binti Tohir
ITM	Institut Teknologi Mara
TV	Televisyen
MSU	Management Science University
RTM	Radio Televisyen Malaysia
ASK	Anugerah Skrin
PA	Personal Assistant
MIG	Metrowealth International Group
ANR	Artist & Repertoire
COVID	Coronavirus Disease

SINGKATAN NAMA

KAS	Khaty Azian Salehan
KAS	Kashful Asrar Bin Saifuddin
NAF	Nur Alia Farina binti Tohir

RUJUKAN KATA

PERKATAAN	MAKSUD
Moto	Motor
Ni	Ini
Tau	Tahu
Bapak	Bapa
Takde	Tiada
Dah	Sudah
Lepas tu	Selepas itu
Ambik	Ambil
Kat	Dekat
Sorang	Seorang
Tu	Itu
Tak	Tidak
Diorang	Mereka
Kitorang	Kami
Ajelah	Sahajalah
Itu je	Itu Sahaja
Dok	Tengah/Sedang
Nak	Hendak
Eh	Ya
Je	Sahaja
Ke	Kah
Kot	Agak
Mau	Mahu
Dik	Adik

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA



NAMA	KASHFUL ASRAR BIN SAIFUDDIN
TARIKH LAHIR	09 OGOS 1998
NOMBOR TELEFON	013-4421233
EMEL	kashful800@gmail.com
PROGRAM	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN REKOD (IM246)

1.2 BIODATA PENEMUBUAL KEDUA



NAMA	NUR ALIA FARINA BINTI TOHIR
TARIKH LAHIR	28 JANUARI 2000
NOMBOR TELEFON	013-9305949
EMEL	nuralia0242@gmail.com
PROGRAM	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN REKOD (IM246)

2.0 BIODATA TOKOH



NAMA	NORAZIAN BINTI SALEHAN
UMUR	57 TAHUN
TARIKH LAHIR	06 NOVEMBER 1966
TEMPAT LAHIR	PARIT, PERAK
ALAMAT	34 JALAN 2/4D, BANDAR BARU BANGI, 43650, SELANGOR
NO TELEFON	012-2507558
PROFESION	PELAKON, PENYANYI, PENGACARA, PENGURUS PROMOSI JUALAN & PENGANJURAN ACARA BELINA COSMETIC SDN. BHD
BIDANG	LAKONAN

3.0 PENGENALAN SEJARAH LISAN

Pada masa kini, pelbagai kaedah dilakukan agar dapat menghargai sesebuah karya serta tokoh yang banyak menyumbang dari pelbagai sudut yang mana dapat memberikan kebaikan pada masa akan datang. Salah satu kaedah yang berkesan dan boleh dipercayai adalah dengan melakukan sejarah lisan. Sejarah lisan merupakan salah satu teknik kajian yang menyimpan pelbagai data dari masa lampau yang telah lama berlalu. Kewujudannya apabila berlakunya penemuan-penemuan baharu dan teknologi moden seperti politik, kewangan, perniagaan, sastera dan kehidupan moden yang merupakan salah satu perkara yang bersesuaian. Penyelidik sangat tertarik dengan kajian Sejarah lisan kerana pelbagai pengalaman baru dari segi melihat sejarah yang pelbagai serta dapat mendalami personaliti manusia dengan lebih dekat. Menurut Rozeman, (2004), bidang ini merupakan kajian yang meluas serta mempengaruhi pelbagai golongan sebagai contoh golongan orang biasa, pemimpin, penulis, pengarang dan golongan yang berkaitan. Sejarah merupakan salah satu kaedah untuk merakam kenangan seorang tokoh secara bersemuka.

Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya mereka yang boleh menyumbang maklumat sejarah daripada penglibatan dan pengalaman mereka sendiri atau hubungan langsung mereka dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Kemudian, maklumat yang diperolehi daripada temu bual telah disalin, disemak dan dicetak untuk bahan pengajaran dan penyelidikan akan datang. Dengan wujudnya sejarah lisan ini, penyelidik dapat menyimpan pelbagai jenis maklumat atau peristiwa yang telah berlaku pada masa lalu. Penyelidik akan mendapat pengalaman baharu, sejarah dapat dilihat dari pelbagai sudut yang berbeza serta dapat mengetahui pelbagai jenis personaliti manusia (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007).

Terdapat banyak kepentingan sejarah lisan antaranya ialah sejarah lisan dapat menentukan supaya tidak semua perkembangan-perkembangan dilupai atau hilang sebagai bukti sejarah (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2017). Hal ini menjelaskan bahawa dengan adanya sejarah lisan dilakukan pada masa kini, setiap maklumat yang diperolehi dapat dikekalkan dengan lebih mudah dan pantas. Penggunaan surat ataupun catatan harian adalah sesuatu yang tidak lagi berkaitan pada masa kini yang mana dapat digantikan dengan sejarah lisan yang lebih kekal dan dapat digunakan oleh banyak pihak di luar sana. Akhir sekali, sejarah lisan dapat membantu dalam menghargai seseorang yang terlibat secara langsung mengenai peristiwa-peristiwa yang mereka pernah hadapi. Perkara ini perlulah dilakukan kerana mereka seseorang

yang lebih arif dan tahu mengenai peristiwa tersebut. Oleh itu, sejarah lisan patut dikekalkan kerana sumbangan dan kepentingannya untuk masa hadapan.

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 PENGENALAN KEPADA TOPIK

Seperti yang telah dibincangkan di atas, sejarah lisan merupakan salah satu teknik kajian yang menyimpan pelbagai data dari masa lampau yang telah lama berlalu. Tokoh yang di temubual mestilah seseorang yang mempunyai pengalaman secara langsung ataupun mempunyai maklumat yang mendalam mengenai sesuatu topik tersebut. Dalam kajian ini, topik yang dibincangkan adalah lebih kepada seni hiburan yang mana khususnya dalam bidang lakonan. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (1985), lakonan ialah satu penceritaan yang disampaikan dengan cara meniru dan menghayati diri pelaku (watak) dalam sebuah cerita yang berlainan dengan dirinya yang sebenar. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) pula di Malaysia dan Indonesia “lakon” membawa maksud cerita yang dipentaskan manakala di Thailand istilah yang sama membawa maksud tarian. Lakonan merupakan salah satu hiburan yang tidak asing lagi dalam diri kita. Bagaimanapun, setiap lakonan mestilah diawali dengan seseorang yang telah bergiat lama dalam bidang tersebut yang boleh dikenali sebagai seorang pelakon veteran. Pelakon veteran merupakan seseorang yang telah bergiat dalam bidang seni terutamanya lakonan sehingga mereka boleh dikategorikan sebagai seseorang yang mempunyai pengalaman serta maklumat yang luas mengenai bidang tersebut. Disebabkan itu, pengalaman-pengalaman yang mereka ada hendaklah diperolehi agar kita mengetahui perjalanan serta liku-liku yang mereka hadapi sebagai seorang tokoh veteran.

Di samping itu, di dalam kajian ini seorang tokoh veteran telah pun dipilih agar dapat berkongsi mengenai latar belakang serta pengalaman beliau selama berada di dalam bidang lakonan. Tokoh yang telah dipilih di dalam kajian ini ialah Puan Norazian binti Salehan atau lebih dikenali sebagai Khaty Azian. Memilih untuk menukar nama sebagai Khaty Azian, tokoh veteran tersebut merasakan bahawa beliau merupakan seorang hamba terutamanya kepada sang pencipta. Ketika ditemubual, tokoh veteran tersebut turut berkongsi mengenai perkembangan terkini beliau di dalam bidang lakonan yang mana tokoh masih bergiat aktif di dalam dunia lakonan dan tidak lama lagi, drama lakonan beliau akan ditayangkan bersama dengan barisan pelakon-pelakon yang lain. Selain itu, pengalaman selama lebih kurang tiga dekad berturut-turut di dalam dunia lakonan telah menjadi sebab kepada pemilihan beliau di dalam kajian ini.

Oleh itu, diharapkan segala maklumat yang dikongsi dapat membantu serta menghargai tokoh-tokoh veteran yang sedia ada kerana mereka merupakan penyumbang yang terbesar dalam memajukan lagi bidang lakonan sehingga kini.

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman seorang tokoh dalam bidang Pendokumentasian Sejarah Lisan. Bersama-sama kami ialah Puan Norazian Binti Salehan yang merupakan seorang pelakon di Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada tarikh Januari 2023 bersamaan dengan hari pada pukul 3 petang bertempat di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Temubual ini dikendalikan oleh Kashful Asrar Bin Saifuddin dan juga Nur Alia Farina Binti Tohir. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

KAS: Kita akan mulakan temubual kita pada hari ini, -- soalan yang pertama (1), boleh akak terangkan latar belakang diri akak -- apakah nama penuh akak?

KAS: Okey nama penuh Norazian binti Salehan, okay anak yang ke enam (6) mempunyai enam (6) anak cucu enam (6) haa semua enam (6) tau. (ketawa)

KAS: -- berapakah umur akak?

KAS -- tahun enam puluh enam (66) bermaknanya sekarang lima puluh enam (56) lah. (sic, lima puluh tujuh)

KAS: Bila akak dilahirkan?

KAS: Tadi sembilan belas enam puluh enam (1966), ke nak bagi tarikh *birthday* [hari jadi] enam sebelas sembilan belas enam puluh enam (06.11.1966).

KAS: -- dimanakah akak dilahirkan?

KAS: Di Parit, Perak.

KAS: Boleh kami tahu, -- akak mempunyai nama panggilan di rumah?

KAS: Dekat rumah panggil Nor, dekat luar, dekat rumah mak mertua yan, dengan kawan-kawan anje (ketawa) tempat *shooting* [penggambaran] Khaty Azian.

KAS: Sekarang akak menetap di mana?

KAS: Dekat Bandar Baru Bangi. [Malaysia]

KAS: Apakah hobi yang akak minat sehingga ke hari ini?

KAS: Hobi -- nyanyi santai-santai, memancing -- dulu moto besarlah sekarang dah *pencen* [bersara] haritu -- *so* [jadi] memancing dengan jalan-jalan -- itu memang minat. (ketawa)

KAS: Adakah akak mempunyai rakan karib ketika kecil dan berapa orang rakan karib yang akak ada ketika itu?

KAS: Rakan karib akak ni berkawan dengan semua orang, sebab akak ni pindah-randah tau sebab bapak s, *so* [jadi] yang takde [tiada] *stick to one* [berpegang kepada satu] lah. Dah besar pun sama berhijrah apa semua kan, jadi nak kata rakan karib akak baik dengan semua orang. --- *so* [jadi] semua kawan takdelah [tiadalah] nak kata okay nak *stick* [melekat] pada seorang okay dia lah pergi berjalan, dia lah apa, takde [tiada] *so random*. [jadi secara rawak]

KAS: Apakah pekerjaan rakan karib akak?

KAS: [ketawa] kata takde [tiada] rakan karib, kawan-kawan kebanyakan sekarang ni [ini] -- ada yang penyanyi (bunyi selakan kertas) memang seni-seni lah. Orang seni juga.

KAS: Okay -- boleh akak ceritakan latar belakang pendidikan akak di sekolah rendah?

KAS: Ooo akak terlampau rajin sekolah jadi akak sampai SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] je [sahaja]. Sebab tingkatan empat (4) dah mula berlakon. *So* [Jadi] *I* [saya] masa akak takde [tiada] untuk -- masa akak sekolah pun cikgu selalu

panggil dekat bilik disiplin sebab selalu pergi berlakon -- so [jadi] akak, tapi alhamdulillah la akak sampai sekarang.

KAS: Dimanakah akak bersekolah, sekolah rendah?

KAS: Darjah satu (1) dekat sekolah dekat Perak, Parit, Perak [Malaysia]. Sultan Idris ke apa nama dia. Lepastu darjah dua (2) sampai darjah tiga (3) dekat Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan -- nama dia lupa. Lepas itu, darjah tiga (3) sampai darjah enam (6) dekat Sultan Alam Shah, PJ (Petaling Jaya), -- tingkatan satu (1) sampai tingkatan lima (5) dekat Sri Aman PJ.

KAS: -- Apakah antara mata pelajaran yang akak suka?

KAS: Paling suka BM (Bahasa Melayu) lah (ketawa) sebab dia ada seni dia ada apa.

KAS: Ada tak kenangan manis yang akak tak dapat lupakan sama ada -- manis atau pahit lah?

KAS: Dari segi bidang lakonan ataupun harian? (suara Kashful) Di sekolah rendah -- kenangan yang masatu nakal, bermain-main lepastu tangan nak ambik kawan kat tingkap sekolah koyak sini (tunjuk tangan) sampai sekarang ada tanda (suara alia) okay lah sekolah rendah, walaupun sakit tapi dia manis. (ketawa)

KAS: -- Adakah bermula pada sekolah rendah bercita-cita ingin menjadi seorang pelakon?

KAS: Akak sebenarnya nak jadi penyanyi -- pelakon tu kira datang tiba-tiba. Dan akak dapat juga teruskan menyanyi sebab akak ada buat pengacara lepastu sebelum kita mula acarakan orang, kita menyanyi.

KAS: -- Adakah akak menyambung pelajaran selepas SPM (Sijil Pelajaran Malaysia)?

KAS: Tak sebab akak terus benda ni lepastu akak kawin [kahwin] (bunyi batuk)

KAS: (Bunyi kertas) (ketawa) hai, -- soalan yang ketiga (3) bolehkah akak ceritakan sedikit berkaitan latar belakang keluarga akak? -- siapakah nama ibu dan ayah akak?

KAS: Arwah mak nama dia Nuryah Binti Kahar, bapak, arwah bapak Salehan Bin Harun.

KAS: Bagaimana pula dengan umur mereka?

KAS: Umur kalau ada pun dah lebih la lebih lapan puluh (80) lebih.

KAS: Apakah pekerjaan ibu dan ayah akak?

KAS: Ibu suri rumah, bapak polis.

KAS: Dimanakah ibu dan ayah akak berasal?

KAS: Bapak dekat Paroi, Negeri Sembilan Mak dekat Terachi, Negeri Sembilan.

KAS: -- okay, bolehkah akak kongsi nama adik beradik akak?

KAS: Yang pertama (1)-- Nordin Bin Salehan, lepastu Fauziah Binti Salehan lah semua, Fauzah, Siti Noraizan, Muhammad Haizir, Kamarul Azman, Norazian.

KAS: Adakah mereka terlibat juga dalam bidang seni?

KAS: Tak [Tidak], sorang pun tak [tidak]

KAS: -- boleh ke kami tahu dimanakah adik beradik akak tinggal?

KAS: Ada yang Perlis [Malaysia], ada yang Sendayan dua (2), Seremban dua (2), lepastu Subang, Puncak Alam.

KAS: Apakah pekerjaan adik beradik akak?

KAS: Yang abang tu dia TUDM (Tentera Udara Malaysia) *Airforce*, lepastu kakak dia dah jadi suri rumah lah dulu dia kerja audit jugalah, yang nombor tiga (3) kakak tu *auditor* dekat pejabat kesihatan kat Perlis, lepastu abang pun dah pencen, dulu dia kerja dekat apa *firefighter* eh (terkejut) *fire* apa yang pembakar api tu kan, dia kat sana, abang yang seorang tu dia *engineer* dekat kilang -- lepastu akak so [jadi] sorang [takde] ikut.

KAS: -- Apakah status perkahwinan adik beradik akak?

KAS: Yang abang dia solo, *single* [bujang] dah *single* [bujang] lah maksud dia (suara alia). Kakak *married* [berkahwin]. Kakak lagi seorang yang kat Perlis tu dah kahwin. Abang kahwin.

KAS: -- okay, soalan yang ke empat (4), boleh kami tahu bilakah akak mendirikan rumah tangga?

KAS: Rumah tangga akak kahwin muda tahun lapan puluh empat (1984) hujung la macam tu.

KAS: Okay -- bilakah tarikh perkahwinan akak dan suami?

KAS: Hmm (mengeluh) jangan ditanya kemana aku pergi (menyanyi sambil ketawa) sebab ini akak kahwin dua (2) yang itu dah meninggal, so [jadi] yang ini kitorang kahwin tahun sembilan puluh yang *second one* [kedua] ni [ini]. Dapat dua (2) anak yang dulu empat (4) anak.

KAS: Dimanakah akak berkahwin?

KAS: Di PJ (Petaling Jaya) Pejabat Kadi PJ (Petaling Jaya) yang ini lah *second one* [kedua]

KAS: -- Bagaimana pula (bunyi pintu) umur suami akak ketika itu?

KAS: -- Kitorang beza sembilan (9) tahun lebih. (bunyi kertas)

KAS: Boleh akak kongsi kan detik pertama pengenalan akak dengan suami?

KAS: Dekat set lokasi *shooting* [penggambaran] (bunyi pintu ditutup) sebab akak berlakon *under production* [di bawah produksi] dia.

KAS: Bagaimana suasana kenduri akak pada ketika itu?

KAS: Akak dengan dia *simple* [mudah] akak tak buat kenduri, *even though* [walaupun] yang kenduri pertama (1) pun akak seorang jenis yang seorang yang tak suka remeh, *simple* [mudah] yang pertama pun kita kawin cara *you know* [kamu tahu] mak buat pelamin buat apa semua, akak cuma naik pelamin waktu orang balik nak tangkap gambar je [sahaja], akak tak suka benda-benda remeh akak dah cakap dengan mak jangan buat dia buat juga, orang tua (suara alia) anak yang kecil sekali *so* [jadi] dengan *second husband* [suami kedua] ni [ini] *just* [hanya] pejabat kadi lepas itu buat makan-makan *simple* [mudah] je [sahaja]. Akak orang jenis tu [itu] tak suka (ketawa).

KAS: Kalau akak tak keberatan, boleh kami tahu latar belakang suami akak? Apakah nama penuh suami akak?

KAS: Azhar Bin Muhd Yunus. Bapa dia Guru Besar sekolah -- dia pelajar ITM (Institut Teknologi MARA) juga, *Art and Design graphic* [Grafik Seni dan Reka Bentuk] semua tu [itu] dan sekarang dia adalah pengarah TV (televisyen), *commercial* [komersial], dan juga filem lah. (bunyi kertas)

KAS: Apakah kenangan dengan suami yang tak boleh lupakan?

KAS: Sebab dia ngorat akak (ketawa) takde [tiada] lah biasalah tak [tidak] ada apa kenangan tu [itu] waktu -- waktu *shooting* [penggambaran] dia jumpa masa itu *transport* [pengangkutan] kitaorang [kami] takada [tiada] tau, akak tak [tidak] reti [tahu] bawak kereta, *so* [jadi] naik van dia pun naik van *transport shooting* [penggambaran pengangkutan], lepas itu ambil akak pula dengan seorang kawan kira duduk sama, masa itu lah kenal (bunyi kertas) masa itu dia

production [produksi] dia dan juga dia mengarah. Dengan bersama dengan rakan kongsi lah. Rakan kongsi dia kalau *korang* [kamu] kenal, ingat arwah Hani Mukhsin (suara alia) dengan Ali Sobri dengan *husband* [suami] akak (suara alia) nama *company* [syarikat] ASK tak [tidak] silap Ali, Sobri yang tiga (3) orang tu lah.

KAS: Okay soalan kelima (5), boleh akak ceritakan lebih lanjut mengenai anak-anak akak, berapakah bilangan anak-anak akak dan boleh akak kongsi nama anak-anak akak?

KAS: Okay enam (6) orang *first* [pertama], Nuzul Hakimi, lepastu Intan Nur Elisa, Intan Nur -- Intan Nur Lyana, Intan Nur Nadia, Aznur Haikal, Melur Adriana Sukma. (suara alia)

KAS: Bagaimana pula dengan umur mereka?

KAS: Umur jangan tanya lah semua yang tua tu empat puluh (40) lebih (ketawa) akak punya kelemahan akak ialah angka (suara alia), nak ingat tu payah (ketawa).

KAS: Boleh akak ceritakan sedikit latar belakang pendidikan anak-anak akak?

KAS: Pendidikan anak-anak akak ni [ini] nasib baiklah -- bukan nasib baik, rugi tak [tidak] ikut *husband* [suami] tak [tidak] ikut akak (suara alia) *so* [jadi] yang *first* [pertama] tu [itu] pun dia kerja-kerja sendiri -- *second* [kedua] dia bekerja tapi sekarang ni [ini] dia dah duduk rumah sebab *husband* [suami] dia kerja, dia dah berkahwin, yang ketiga (3) ni [ini] dia kerja dengan ANR Records dia jaga-jaga artis, jaga apa tu [itu], Nadia sekarang berada di Johor, dia buka satu (1) butik macam -- macam *joint venture* lah kira nya dengan korea, baju-baju korea dekat butik dia dekat Danga Bay tu, *so* aznur Haikal ni dia kerja biasa je, yang anak akak yang nombor enam (6), dia sekarang sekolah dekat MSU (*Management & Science University*)

KAS: -- Adakah akak sudah memiliki cucu?

KAS: Dah, enam (6).

KAS: Berapakah umur (bunyi kertas) cucu-cucu akak?

KAS: -- yang tua sekali dah sekolah menengah, dua orang sekolah menengah, yang lain sekolah rendah. Jangan tanya (ketawa)

KAS: -- Okay soalan yang ke enam (6), bagaimana akak mendidik anak-anak akak di rumah, adakah akak bersifat tegas dalam mendidik anak-anak akak di rumah?

KAS: Akak ada masa tegas tapi akak lebih suka jadi kawan diorang, *so* macam anak dara akak sorang ni, MSU (*Management & Science University*) dia kita kawan, *so* soal apa-apa sahaja dia akan *share*, dia akan banyakkkan yang lain tu pun macam itu, akak anggap diorang kawan sambil akak -- mana benda tak elok tu akak terangkan secara, (tunjuk gaya) kalau macam ni kan, nanti *karang* jadi macam ni, dia jadi macam tu, tapi kalau ada masa-masanya ada masa kita tegas, waktu dia nakal-nakal, muda-muda rempit lah apa semua kan, ada yang marah, yang perempuan tu kalau merayau (suara alia), balik lambat pun ada jugak lah kena sikit-sikit. Tapi kebanyakan akak lebih anggap *diorang* kawan (bunyi kertas) *so* [jadi] *diorang* [mereka] tak malu nak *share* [kongsi] apa saja.

KAS: -- soalan ke lapan (8) bolehkah akak ceritakan tentang kerjaya akak sebelum melibatkan diri dalam bidang lakonan?

KAS: Akak sekolah, sekolah masa tu dekat Sri Aman.

KAS: Soalan seterusnya, soalan yang ke sembilan (9) apakah pendapat akak tentang dunia seni lakonan, -- dan yang pertama (1) bagaimanakah tanggapan akak dalam bidang seni lakonan?

KAS: Bidang seni lakonan ni akak -- bagi akak suka ya memberangsangkan sebab dia mengajar kita menjadi seorang yang berdisiplin eh, kena ikut *time* [masa] *so* [jadi] kita boleh berjumpa ramai orang, kita boleh pergi tempat-tempat yang kita tak pernah pergi, boleh menambah pendapatan, *itu akak rangkum banyak soalan*

kau tu tau -- baguslah disiplin diri, terpulang kepada individu di mana akan membawa diri atau pun menganggap benda tu serius atau tidak serius, itu terpulang juga. Tapi bagi akak memang bagus.

KAS: Okay soalan seterusnya, apakah pandangan akak tentang industri lakonan pada masa kini?

KAS: Industri memberangsangkan, berkembang baik, kan, -- itu akak boleh jawab, memang akak boleh *survive* daripada sekolah tak kerja tak apa boleh berlakon, anak akak boleh membesar boleh masuk U (Universiti) yang sorang [seorang] tu. (suara alia)

KAS: --Apakah pendapat akak terhadap pihak media?

KAS: Pihak media -- setiap orang mempunyai kerja dia, pihak media kalau macam mana pun -- dia membantu juga artis-artis kan -- dan kadang bahaya juga untuk artis lah (ketawa) tapi kita memerlukan -- artis memang memerlukan pihak media, *kitorang* [kami] memang harus bekerjasama.

KAS: -- Apakah yang akak lakukan ketika bertemu pihak media secara tiba-tiba?

KAS: Tak ada apa *just hello, hai* (ketawa) (suara alia) sebab akak *so far* [setakat ini] Alhamdulillah lah tak ada benda-benda lah kan. Akak tak ada masalah.

KAS: -- Soalan yang ke sepuluh (10) -- boleh akak ceritakan perjalan kerjaya akak dalam bidang lakonan?

KAS: Perjalanan (ketawa) perjalanan sekolah *and then* berlakon lepastu waktu gawat, gawat tu akak bekerja sekejap *yes* [ya] akak bekerja dengan satu (1) produk kesihatan Belina Kosmetik akak jadi -- (berfikir) apa ah? *Sales and Marketing Manager* kat situ, dua (2) tiga (3) tahun juga lah, lepastu dah kembali *normal* balik akak berlakon *so* [jadi] akak okey.

KAS: Yang akan bekerja tu, atas -- macam mana akak boleh untuk bekerja tu?

KAS: -- Ada kawan, kawan ajak masuk *just* pergi mula-mula, tapi kelakar lah akak masuk kerja saya bekerja (tunjuk gaya) dia memang nak *offer* [menawarkan] lah kan, dia banyak *top* [teratas] memang *multi-level* [pelbagai peringkat] punya *company* [syarikat] Belina Kosmetik susu kambing tu, akak siap pesan dengan dia akak tak nak pegang pen tak nak pegang laptop *so* [jadi] akak nak jual barang nak jual produk je, Boleh orang nak amik kita kerja kita cakap macam tu, tapi dia kata okey, okey lepastu *time* [masa] pun akak kata saya masalah bangun pagi, kadang-kadang cakaplah tapi nasib baik dia *start* [mula] pukul sepuluh (10) bila kat *office* [pejabat] pergi kat meja dengan laptop apa semua, sikit-sikit lah masa akak *just* [cuma] jumpa *leaders-leaders* [ketua-ketua] *talk* [cakap] *about* [tentang] produk-produk baru dengan ada orang macam tu lah bekerja (ketawa) (suara alia) *produk akak tadi nama apa?* Belina Kosmetik, produk susu kambing.

KAS: Selain daripada susu kambing tu, ada produk-produk lain tak?

KAS: Dia ada banyak la dalam tu *company* [syarikat] dia, *so* [jadi] dia ada lah *skincare* [penjagaan kulit], adalah minuman kesihatan, ada lah jamu *whatever* [apa-apa] lah, itu *company* [syarikat] dia nama Belina Kosmetik.

KAS: Balik kepada lakonan tadi, adakah lakonan pada masa kini masih memberi pengajaran dan pengalaman hidup seperti dahulu?

KAS: Maksudnya? Pengajaran dan pengalaman?

KAS: -- *content* [isi] daripada cerita-cerita sekarang yang ada.

KAS: Semua cerita, dari dulu sampai sekarang, kalau jahat tu kita jadikan tauladan (suara alia) jangan buat macam ni (tunjuk gaya) nanti jadi macam ni, yang baik, eh yang jahat tu sempadan yang baik tu kita jadi tauladan. Setiap daripada dulu ke apa ke mesti ada isi yang baik, *so* terpulang kepada penonton, terpulang pada masing-masing iya lah untuk bawa diri tapi setiap cerita mesti ada, kalau jahat

dia jahat sampai bila ke hujung dia apa balasan dia jadi jahat, semua jadi contoh lah.

KAS: -- Okay soalan seterusnya, adakah lakonan pertama akak menjadi batu loncatan untuk akak menempa nama dalam industri lakonan tanah air?

KAS: Yup (mengangguk) sebab akak terlibat dengan drama bersiri Opah, masa itu belum ramai saingan lagi masa tu memang RTM (Radio Televisyen Malaysia) masa itu orang tunggu-tunggu dia ada *four* (4) *season* [musim] kan *so* [jadi] akak berlakon kat [dekat] situ memang itu memang membawa akak sampai sekarang lah, *so* [jadi] akak tidak melalui lah watak *extra* [tambahan], pembantu tak ada, daripada watak *main* [utama] akak terus sampai sekarang.

KAS: -- Soalan yang seterusnya. Pada pendapat akak, apakah yang membezakan pelakon dahulu dan pada masa kini?

KAS: Sebenarnya pelakon ni-- nak tahu banyak beza, tak. Dia kadang ada bakat ada yang mencuba-cuba pergi belajar tapi sebenarnya yang penting disiplin. Kalau buat cara main-main ala-ala la jadi dia, kalau dia disiplin diri tu bagus aku sebagai pelakon aku nak lakon kan benda ni dia akan berjaya, tak ada beza dulu dan sekarang tak ada beza.

KAS: -- Macam akak sendiri, ni untuk soalan seterusnya macam akak sendiri -- untuk pelakon baru akak bekerjasama dengan pelakon baru tu akak bekerjasama ni, macam mana bekerja dengan mereka?

KAS: -- (Berfikir) *so far* [setakat ini] okey, tak ada masalah banyak pelakon yang berbakat, tapi masalah sekarang ni, kita zaman teknologi yang canggih sekejap-sekejap telefon-- (tunjuk gaya) (suara alia) sekejap-sekejap pergi *phone* [telefon], itu je lah masalah dia *so* [jadi] kurang lah untuk kekerapan tu tapi Alhamdulillah kerana bakat dorang pun okey *so* [jadi] dekat set pun boleh, dorang (suara alia) cepat *catch up* [tangkap] *so* [jadi] Alhamdulillah jugak [juga] lah.

KAS: Antara pelakon-pelakon baru yang akak bekerjasama pada masa kini, siapa yang akak rasa pelakon yang boleh menempa nama dalam industri tanah air?

KAS: Yang baru? Akak baru habis *shooting* [penggambaran] dengan Shiha Zikir, Wah (teruja) dia mempunyai bakat yang *talented* [berbakat]. (suara alia) baru kan dalam ni tapi dia *best* [bagus], dan banyak juga pelakon-pelakon baru yang okey. Diorang bagus macam akak cakap tadi diorang bagus.

KAS: Okay, soalan seterusnya soalan ke dua belas (12) apakah perbezaan pengarah lakonan pada masa dahulu dan pada masa kini?

KAS: Dari segi TV (televisyen) tak banyak beza macam kalau RTM kita macam guna tiga kamera dalam studio sekarang ni banyak *outdoor* [keluar] -- perbezaan nya begitu, kalau filem pakai (mimik kamera) sekarang dah digital dah, itu lah makin canggih lah makin moden, yang lain tak banyak beza. Pengarah dia juga tetap ada shot dia, pengarah kan artis-artis.

KAS: Bagi pendapat akak, pengarah masa kini adakah diorang lebih -- kreatif ataupun sebaliknya?

KAS: Yang ini *detail* [terperinci] satu-satu, manusia pun ramai-, banyak perangai (suara alia) begitu juga dengan *director* [pengarah] dia ada pandangan dia sendiri, mungkin yang sorang tu (tunjuk gaya) terlalu kreatif, yang sorang ni nak buat cepat habis, yang sorang ni ala tak okey ni buat secara tu, kita tak boleh nak fokus satu-satu, itu sama juga dengan perangai manusia lah.

KAS: Soalan seterusnya, --dalam banyak-banyak pengarah yang akak bekerjasama, -- siapa pengarah yang akak rasa senang untuk bekerjasama?

KAS: Entahlah, akak kerja dengan banyak pengarah *so far* [setakat ini] semuanya okey. Macam baru ni akak kerja dengan Heykal Hanafiah, Raja Mukhriz, Pian Skru, semua okey lah bagi akak. Akak tak pernah ada masalah dengan pengarah -- akak senang bekerja.

KAS: Baik, soalan yang seterusnya. Adakah akak mengimpikan kerjaya sebagai pelakon ini sejak kecil lagi?

KAS: Tak (bunyi kertas) menyanyi. Dia bermula tingkatan empat (4).

KAS: -- Okay, soalan seterusnya. Bolehkah kami tahu mengapa akak memilih bidang lakonan sebagai pilihan kerjaya akak?

KAS: Sebab orang pilih akak, bila akak dah sekali *involved* [terlibat] kaki akak teruskan. Itu je. [sahaja]

KAS: Okay, bagaimanakah penerimaan ibu bapa akak dengan bidang yang diceburi ini?

KAS: Waktu akak sekolah menengah tu, waktu akak pergi *rehearsal* [raptai], pergi apa akak curi-curi pergi, akak akan kata akak ada Persatuan Bahasa Malaysia, sebab adik-beradik semua akademik, dia tak suka benda-benda macam ini. Pernah buka mulut “*Mak, mak kalau orang berlakon boleh tak?*”, “*Kakak jawab jangan mengada belajar dulu dik belajar dulu*”, so [jadi] akak (suara alia) curi-curi, bagitahu ada Persatuan Bahasa Malaysia ke apa-apa lepas tu dah lama tu baru bapak [bapa] tahu tapi tak boleh buat apa lah sebab dah *involved* [terlibat] so [jadi] -- sebelum kau tanya akak beritahu, waktu *first* [mula-mula] drama keluar TV (Televisyen) okey adik-beradik, mak semua dah ada lah sebab dulu mana ada TV (Televisyen) banyak-banyak kan, akak duduk- mengintai daripada pintu bilik -- untuk *first* [mula-mula] keluar masuk TV (Televisyen) drama Opah tu, lepas itu dah normal lah.

KAS: Soalan seterusnya, siapakah insan yang bertanggungjawab membawa diri akak dalam bidang lakonan?

KAS: Dia tak ada tau, masa sekolah tu ada macam dengar dekat Sekolah Sri Aman dekat dengan Angkasapuri [Malaysia], diorang [mereka] kata ada *casting* [lakonan] so [jadi] ada member pergi lepastu [selepas itu] member ajak “*jom la pergi*” (tunjuk gaya) masa tu persatuan, masa tu akak aktif kebudayaan kat sekolah lah, lepastu saja pergi la, baca skrip lepas tu dulu akak rumah akak tak

ada telefon [telefon], diorang [mereka] hantar pakai telegram. Lepas tu telegram datang kata diterima untuk berlakon kira sendiri lah, kita dengan kawan-kawan kita pergi *screen test* [ujian skrin].

KAS: Soalan seterusnya, apakah yang mendorong akak untuk terus bergiat dalam bidang lakonan?

KAS: Sebab *best* [bagus], akak boleh jadi macam-macam akak boleh jadi orang gila, akak boleh jadi *lawyer* [peguam] boleh jadi apa-apa saja akak nak, dan akak boleh berjalan ke mana-mana dengan drama ni akak boleh ke New Zealand, -- cerita Cinderella tu kan, akak boleh masuk dalam penjara, orang tak boleh masuk, tak boleh tengok (suara alia) dalam tu kitorang dah masuk, *so* [jadi] tempat-tempat yang orang biasa tak boleh masuk kita boleh masuk, mana saja tu akak seronok benda-benda tu.

KAS: Siapakah idola akak dalam bidang lakonan?

KAS: Idola sebenarnya pelakon ramai, semua pelakon mempunyai diorang punya pembawakkan masing-masing. Okay, macam akak tak boleh jadi Aida Rahim, Aida Rahim tak boleh jadi akak. Sama juga macam Jasmin Hamid, semua akak *salute* [hormat] diorang [mereka] nak kata idola sangat tu kadang-kadang akak perlu, watak diorang [mereka] lain-lain, *so* [jadi] bila akak dapat watak yang serupa diorang [mereka], akak akan bayangkan diorang [mereka] *so* [jadi] akak tak boleh nak kadang [kadang-kadang] memerlukan, tapi kadang-kadang *create* [cipta] sendiri watak dalam skrip.

KAS: Adakah idola-idola akak tu memberikan kesan kepada akak untuk terus melibatkan diri dalam bidang lakonan?

KAS: Nak memberi kesan, sebenarnya macam akak cakap akak lebih kepada, akak lebih kepada diri sendiri. Ikut diri kita kan, kesian ada yang dah- saing-saing akak dulu berlakon ada yang dah *stop* tapi akak teruskan sebab akak suka, *so* [jadi] terpulang pada diri sendiri kata pesan pada diri kerana diorang membantu kita -- *okey*, keyakinan akak ni tinggi (ketawa).

KAS: Okay, siapakah yang sering menyokong akak dalam meneruskan kerjaya dalam bidang ini? Sehingga sekarang lah?

KAS: *Indirect* [tidak langsung] ke *my* [akak] *husband* [suami], semua lah, kawan-kawan akak tak pernah ada halangan pergi *outstation* [luar kawasan], selalu kalau isteri mithali boleh tak saya pergi (suara alia) macam ni kan? (tunjuk gaya) tak akak, *daddy* [ayah] sekian hari bulan mama pergi sini. Okay -- akak *just* [cuma] bagitahu akak (suara alia) mendapat sokongan yang *best* [bagus] *so* [jadi] dengan anak-anak ke memang takde takde takde halangan lah.

KAS: -- okay baik, tadi akak ada cakap yang masa tu ada curi-curi untuk berlakon kan (angguk) okay tapi masa diorang dapat tahu tu, apakah persepsi orang sekeliling akak ketika itu apabila -?

KAS: Akak seorang yang manja, kalau akak nak, nak. Kan -- dia tahu segala apa akak buat bukan jalan yang serong *so* [jadi] diorang [mereka] terpaksa terima lah. *So* [jadi] bapak [bapa] tengok pergi lah sekali tengok pada satu masa lah dia intai betul ke? Haa betul, okey dah, lepas.

KAS: Masa yang akak cakap pergi ujibakat lakonan tu, siapa yang menjadi juri untuk-?

KAS: Zohara Batrisyia yang iaitu kak lola, Husna -- Zainal, Zainal Abidin semua dah besar-besar sekarang, Lokman -- Lokman itu yang *main* [utama] yang besar sekarang dah jadi pengarah penerbit semua.

KAS: Kalau akak ingat bila ujibakat tu dijalankan?

KAS: Jangan tanya (ketawa) Tingkatan empat (4) lah masa tingkatan empat (4).

KAS: Dimanakah lokasi ujibakat tersebut diadakan?

KAS: Dekat panggung drama waktu tu [itu] dekat Wisma Persekutuan, uji bakat dekat Angkasapuri *rehearsal* [raptai] dekat Wisma Persekutuan [Malaysia] dekat *state* [daerah] tu [itu] PJ (Petaling Jaya) dan juga Panggung Drama dekat Klang (Selangor). Dekat apa, Bus *stand* [perhentian bas], Klang (suara alia). Aaa lepas tu *shoot* [penggambaran] filem negara (ketawa) waktu dulu lah dia punya _____

KAS: Apa perasaan akak pada masa tu [itu]?

KAS: Masa tu [itu], akak masa masa bila?

KAS: Masa ujibakat _____

KAS: Tak ada apa, kita tak berapa nak, kita nak menyanyi kan (suara alia) *so* [jadi] baca je lah skrip tu –

KAS: Adakah terdapat calon pelakon yang lain terlibat dalam sesi ujibakat tersebut?

KAS: Ramailah, ramai diorang [mereka] bagi je [sahaja] skrip, kita tak tahu kita watak apa waktu ujibakat tu diorang [mereka] pilih watak-watak mana, ada yang dapat ada yang tak dapat kan macam akak dapat watak yang Khaty.

KAS: Pada ketika itu, ada tak pelakon-pelakon lain yang ternama ada masa ujibakat?

KAS: Takde [tiada]. Itu pengarah, pengarah, penerbit orang datang *casting* [ujibakat].

KAS: Akak masih berhubung baik dengan mereka sehingga kini?

KAS: Jumpa di mana-mana akak tetap tegur, akak tak pernah bergaduh dalam industri tak pernah -- *so* [jadi] jumpa je [sahaja] lah macam biasa, Amyza Adnan, Shamsul Ghau Ghau, Roy Azman semua, kita okey bila dah besar besok jumpa balik (suara alia) dan *so far* [setakat ini] disayangi lah, kalau macam budak-budak (suara alia) baru kan, Shiha Zikir tu akak *first time* [pertama kali] berlakon dengan dia (suara alia) dia berlakon dengan akak, dia *leading* [watak utama] drama ni [ini] hari raya keluar, -- bila nak balik tu [itu] *alaa..* (tunjuk

gaya) *that mean* [maksudnya] benda tu akak nampak. Akak tegas di lokasi, tetapi akak adalah penyayang di lokasi, akak memang *style* [gaya] macam itu, waktu kerja kena kerja.

KAS: Masa ujibakat tersebut, ada tak kenangan-kenangan manis yang akak boleh ingat setakat ini?

KAS: Kenangan manis? (berfikir) tak bawa gula masa tu [itu] takde [tiada] waktu *rehearsal* (raptai) kita pun segan dengan Normala Omar (suara alia) Zukifli Zain, (suara alia) kan, Aziz M.Osman, tapi diorang [mereka] tu [itu] bagus diorang [mereka] okay *best* [seronok], lepas tu [selepas itu] memang rasa berdebar-debar lah kan macam, macam ni sapa [siapa] jumpa akak kan berdebar eh? (tunjuk kepada alia) (ketawa).

KAS: Okay, soalan seterusnya boleh akak ceritakan tentang lakonan pertama yang pernah akak lakonkan?

KAS: Drama Opah jadi Khaty.

KAS: -- Tahun bilakah ia mula disiarkan?

KAS: (berfikir) -- hujung lapan puluh tiga (83) kot. Haa yang ni akak ingat tau (bunyi ketawa).

KAS: Apakah watak yang dipegang oleh akak--?

KAS: Khaty, engkau ni [ini] cakap kau tanya lagi, kau ni ikut skrip sangat lah (ketawa).

KAS: (bunyi ketawa) -- okay drama Opah ni [ini] mengisahkan tentang apa?

KAS: -- mengisahkan tentang kekeluargaan. (ketawa)

KAS: -- Berapa orang yang terlibat dalam drama ni [ini]?

KAS: Ramai sebab dia episod. Ramai sangat, dia ada *family* [keluarga] kat pekan, *family* [keluarga] kat [dekat] kampung (suara alia) korang [kalian] tengok kau ambik [ambil] gambar kat situ lah. (ketawa)

KAS: Bagaimanakah drama tersebut dipromosikan?

KAS: Akak tak tahu, diorang [mereka] kat TV [Televisyen] kan tak banyak macam sekarang, mana ada *FB* [*Facebook*], mana ada *Insta* [*Instagram*] kan, RTM dia *promo* [promosi] kat [dekat] RTM dia keluar mungkin, tapi berkesan dulu tak banyak drama kan (mengangguk)

KAS: Pernah tak akak kena marah oleh produksi semasa penggambaran drama Opah dijalankan?

KAS: Tak pernah. Sebab akak rajin, disiplin. (ketawa) betul orang kata *director* [pengarah] *director* [pengarah] tu [itu] garang tapi akak tak pernah pun kena. Alhamdulillah sejak empat puluh (40) tahun jadi (suara alia) industri.

KAS: -- Masa akak pegang watak Khaty tu [itu] sendiri, macam mana akak dapat melahirkan perasaan dalam pelbagai, pelbagai watak la maksudnya perasaan dalam watak Khaty?

KAS: -- (suara alia) (berfikir) tak tahu dah memang ada kot, darah seni.. Takde [tiada] takde [tiada] lah dari mak bapak [bapa] darah seni takde [tiada] tapi kita memang dah ada terselit bakat seni, *so* [jadi] tengok skrip tu [itu] buat ajelah [sahaja] lah diorang [mereka] kata *natural* [semula jadi] kan drama Opah kekeluargaan, cerita masyarakat, *so* macam biasa lah. Kadang heran [hairan] juga macam mana aku jadi macam ini. (ketawa)

KAS: Bagi akak sendiri lah, apa pengajaran yang boleh diambil melalui -- drama Opah ni [ini]?

KAS: Banyak pengajaran dia, itu cerita masyarakat dia lebih banyak kepada nasihat (bunyi kertas) aaaa tu kau kena tengok memang cerita masyarakat lah, sampai

sekarang mana-mana drama lain beratus drama berlakon (suara alia) Khaty Opah ye? (tunjuk gaya) lekat Opah.

KAS: -- Okay baik, soalan seterusnya adakah drama zaman dulu [dahulu] mempunyai tayangan perdana -?

KAS: takde [tiada] rasanya. Takde [tiada] kan dulu [dahulu] (suara alia) *untuk drama Opah ada? Takde kan?* Takde [tiada] kitorang [kami] dia panggil berlakon je [sahaja] (ketawa) panggil _____

KAS: Drama tersebut bawah syarikat penerbitan mana?

KAS: RTM.

KAS: Kalau yang akak ingat, dimanakah lokasi penggambaran itu dijalankan?

KAS: Dia ada banyak dekat Banting [Malaysia], lepas tu [selepas itu] ada dekat studio Filem Negara PJ, macam-macam lah. Ada kebanyak- boleh kata lapan puluh [80] ketujuh puluh [70] peratus *indoor* [dalam], studio tapi kampung pergi dekat Banting masa tu ingat, akak (suara alia) akak ingat lah (ketawa).

KAS: -- Selepas drama tu [itu] keluar kat [dekat] RTM macam mana penerimaan masyarakat semasa drama itu mula disiarkan? Pengalaman akak sendiri lah.

KAS: Akak tak tahu, akak tengok keluarga akak diorang happy [gembira] je [sahaja] dan banyak menyebut oh drama Opah, (suara alia) masa tu [itu] akak *consider* [dikira] kecil [kecil] la kan (suara alia), jadi akak tak berapa ambil tahu pasal tu [itu] (bunyi kertas). Kita takde [tiada] media kita takde [tiada] yang *FB* [Facebook], *Insta* [Instagram] semua tu tak dapat nak tengok komen orang. Tapi kalau sampai sekarang orang ingat apa maksudnya? (bunyi suara) kan? (sambil mengangkat bahu)

KAS: Okay -- kalau ada pengalaman akak sendiri, mana akak tahu drama Opah tu [itu] popular pada masa itu?

KAS: Pada masa tu [itu] tak banyak drama ada Drama PJ Holdings, drama yang high-class lepas tu [itu] rumah kedai macam sitcom (suara) lepas tu [itu] drama kiteorang [kami] yang memang top [terkenal] masa tu [itu] *aaa* lepas itu ada Drama Minggu Ini (suara alia) episod panjang.

KAS: --okay soalan seterusnya apakah antara syarikat penerbitan yang telah menawarkan kepada akak bagi berlakon bawah naungan mereka lah?

KAS: Kuasa Tech, *MIG [Metrowealth International Group]*, A. Aida *Production*, alah penat lah menyebutnya, Heykal Hanafiah punya, lepas tu [itu] baru ini ada ada yang baru tu Adwa? Adwa punya *production* [produksi] ramai, terlalu banyak *production* [produksi] haa okey. Kebanyakan bila dengan akak dia akan repeat [ulang] macam Heykal Hanafiah, dia *direct* [mengarah] kan (suara alia) memang kalau ada cerita dia ada cerita dia, ada kita. Macam *Creative Skills*, kekasih paksa rela (suara alia) -- sampai diorang [mereka] sendiri cakap kalau cerita macam mana khaty (bunyi gelak) sebab diorang [mereka] kata tak ada [tiada] masalah kan, jadi kitorang [kami] diorang [mereka] akan *repeat* [ulang] balik. Bulan tiga (3) ni [ini] _____ A. Aida pun banyak sampai benda yang sama lah “*aku tak boleh ambik kau dah yang*”, kata Dato’ A. Aida “*asyik-asyik sangat muka kau aku kena tukar dulu*”, okey macam tu [itu]. Alhamdulillah akak kata akak tahu la kan, kita (suara alia) tak ada masalah, dia *repeat* [ulang] kita itu je [sahaja], nak kata bagus banyak lagi pelakon bagus (bunyi ketawa) kan? Rezeki.

KAS: Okay seterusnya, adakah bayaran lakonan diterima oleh akak tu [itu] ditetapkan oleh tertentu ataupun akak sendiri yang tetapkan?

KAS: Ada yang bertanya, ada yang -- akak lebih suka orang meniaga melalui, walau *production* [produksi] diorang meniaga, so akak bertanya bajet diorang [mereka] dahulu. Kalau akak rasa kurang -- *so* [jadi] akak akan minta tambah sedikit dengan - cakap baik-baik lah. Kadang diorang [mereka] bagi harga *so* [jadi] akak fikir okay, okay. Kurang akak minta sikit -- macam tu [itu], akak tak [tidak] takde [tiada] tak cerewet lah (bunyi suara) asalkan jangan rugi. Untung sikit takpe [tidak mengapa] untung banyak lagi suka. *Jangan buat hal lah kan...*

(ketawa) -- tapi kalau rugi kita tolak duit minyak, kita tolak duit- *husband* [suami] tinggal lama anak-anak (suara alia) orang lain kena uruskan pula kan aaa benda tu [itu] lah. Minyak, tol.

KAS: Selepas cerita Opah, adakah akak terima tawaran berlakon dalam drama lain?

KAS: Antara drama-drama akak- banyak (ketawa) lepas itu dengan RTM juga ada panggil aaa dekat Sabah aaa untuk (berfikir) Cinta Kundasang ke *something like that* (lebih kurang) dekat Sabah, lepas itu Drama Minggu Ini, banyak. Dulu main heroin je [sahaja] lah. Dulu kan muda sekarang ni [ini] muda sangat (ketawa kecil) tu [itu] lah akak Alhamdulillah dapat yang- walaupun sekarang bukan heroin tapi mendapat watak yang *main* [utama] masih lagi lingkungan (angguk tanda setuju).

KAS: Okay aaa ni soalan saya, akak sebagai pelakon, akak selalu berlakon dalam drama dalam filem dan sebagainya tapi, kalau akak sendiri sebagai seorang penonton, favourite [kegemaran] akak drama-

KAS: Akak suka cerita Cinderella, cerita wah diorang [mereka] bisik je kat sana -- (berfikir) semalam dengan Janna Nick punya movie (filem) drama *of course* [tentu] drama Opah itu yang membawa akak. Aaa lagi drama apa eh? Janji Adam aaa banyak la terlampau banyak yang akak suka. Macam cerita janji adam tu dengan Zul Ariffin eh? Janji ada dulu dia kecil (suara alia) lepas tu [itu] dia besar cerita tu -- apa Aida -- Aida apa Aida Rahim eh? Dia kata bestnya dapat skrip tu [itu] kalau dapat dia dak [mahu] mana satu cerita yang memang *best* [seronok] lah. Dia main dalam. Tu macam Dosa semalam dengan Janna Nick banyak lah tu [itu] yang cerita baru ni [ini] apa itu dengan Zamarul Hisyam apa tajuk dia? Kisah Cinta Kita? Aaaa *so* [jadi] sekarang ni [ini] watak jahat-jahat.

KAS: Antara lakonan atau watak yang dipegang oleh akak, adakah banyak disambut baik oleh masyarakat?

KAS: Alhamdulillah, tengok komen-komen baik, banyak doakan akak supaya menang anugerah tapi tak menang-menang pun, tak tercapai pun, kenapa ek? (NAF ketawa) Insya Allah ada rezeki. Amin (ketawa).

KAS: Siapa antara rakan pelakon yang pernah digandingkan dengan akak?

KAS: Ramai.

(NAF bertanya) *yang akak paling rapat la?*

KAS: Ramai, semua. Ramai pelakon Malaysia ni [ini] jadi suami akak.

(NAF ketawa)

KAS: Ramai lah, macam baru ni [ini] Roy yang muda pun jadi laki [suami], lepastu [selepas itu] Jalaluddin Hassan, lepastu [selepas itu] nak sebut sekarang ni ramailah. Rahim Jailani. Ramai sangat – Arash Mohd.

KAS: Masa akak tengah berlakon tu [itu], macam mana akak dapatkan keserasian bersama pelakon tu [itu]? Contohnya macam tadi akak cakap yang jadi suami isteri tu [itu] kan. Macam mana akak dapatkan keserasian tu [itu]?

KAS: Oh itu akak macam pelik jugala bila orang kata nak [hendak] jadi, nak berlakon jadi *girlfriend* [teman wanita] *boyfriend* [teman lelaki], *husband* [suami] *and* [dan] *wife* [isteri] kena ada *chemistry* [persefahaman]. Kena berdua sana, berdua sini haa akak takde [tiada] benda tu [itu]. Kita *just* [cuma] tengok skrip, akak lebih kepada membayangkan tengok skrip. Kalau aku watak ni [ini], apa yang patut aku buat haa dia macam tu [itu]. *So* [Jadi] kita dah [sudah] kenal pelakon-pelakon dia kan *so* [jadi] masing-masing buat *rehearsal* [raptai], kita waktu *rehearsal* [raptai] tu [itu] kita *rehearsal* [latihan] kecantikkan untuk masuk. Itu je [sahaja] lah. Takdela [Tiadalah] kena jadi laki _____

KAS: Okay, soalan seterusnya –

KAS: Bila nak habis ni [ini] [ketawa]

KAS: Sikit lagi, haa okay sudikah akak berkongsi pengalaman ketika akak menceburi bidang lakonan terutamanya perkembangan kerjaya akak semasa COVID-19?

KAS: Macam mana yaa ? Tak [Tidak] faham.

KAS: Pengalaman akak dalam bidang lakonan terutamanya masa COVID dulu?

KAS: Oh, berlakon seperti biasa tetapi susah sikit, kita kena ada surat daripada *company* [syarikat] untuk kita keluar. Itu je [sahaja]. Haa tapi waktu yang mula-mula tu [itu] memang *stop* [berhenti] semua orang *stop* [berhenti] kan. Waktu yang longgar sikit tu [itu], bawa surat je [sahaja] lah. *So* [Jadi] kita berlakon tapi sebelum kita masuk set, kita kena ada bukti yang kita takde [tiada] COVID daripada doktor. Nak [Hendak] masuk set, sebelum masuk melangkah pergi berkumpul orang ramai ni [ini], setiap orang kena *test* [ujian] dulu haa normal, tak demam, baru kita boleh masuk set. *Limit* [Had] berapa orang je [sahaja] waktu tu [itu]. Bukan *simply* [senang] masuk. *Extra-extra* [Pelakon Tambahan] akan ada *test* [ujian] macam tu [itu].

KAS: Akak pernah mengalami pengalaman seram tak [tidak] ketika penggambaran tu [itu] dijalankan?

KAS: Adala benda ni [ini] sikit-sikit tapi--macam dekat kampung. Cerita tu [itu] cerita apa tajuk dia tak [tidak] tahu. Akak jadi Tun Teja. Cerita Hang Tuah, Hang Jebat ni [ini] kan. Haa *so* [jadi] kena tidur dekat satu rumah kampung. Haa kaki Gunung Ledang tu [itu], kampung bawah tu ada laa rakan sebilik tu [itu] histeria laa. Lepastu [Selepas itu] akak dok [tengah] baca skrip, tingkap kayu kan dekat belakang tu [itu] kan _____ tengok takde [tiada] orang. Haa benda-benda macam tu [itu] je [sahaja] laa. Tapi akak tak [tidak] kisah. Di mana-mana ada kan.

KAS: Haa seterusnya, masa – bagi pendapat akak lah, industri lakonan Malaysia dan industri lakonan di negara luar, apa perbezaan ataupun adakah –

KAS: Perbezaan bajet. Kita bajet terhad. *So* [jadi] kita banyak sekatan dari segi haa perbuatan kan. Kadang-kadang jadi suami isteri pun, kita tak [tidak] boleh jadi normal suami isteri. Tak [Tidak] boleh pegang, kan kita ada islamik sikit kan. Dia walau perbezaan tu [itu] haa bajet dan benda - benda itulah. Di luar sana, diorang [mereka] *international* [antarabangsa], diorang [mereka] boleh pergi mana - mana. Filem kita terhad di sini. Kadang-kadang je [sahaja] lepas ke luar. Dia tak [tidak] boleh keluarkan bajet yang besar kan. Sebab kalau duit banyak, macam-macam boleh buat betul. Kalau nak cerita tu *real* [benar], kita taknak [tidak mahu] ada had tu [itu]. Kita boleh buat macam barat tapi kita ni [ini] islam, islamik haa *so* [jadi] benda-benda gitu [begitu] yang meng- *gap* [jarak] kan sikit. Haa tapi kita tak [tidak] kisahla, kita sokong filem Malaysia. [ketawa]

NAF: Aaa okey. Soalan seterusnya daripada saya. Aaa pertama. Ni aaa pasal pengalaman akak melakonkan watak dalam sesebuah lakonan dalam drama mahupun filem. Aaa yang pertama adakah terdapat prosedur tu yang perlu dipatuhi ketika penggambaran dijalankan?

KAS: Aaa prosedur biasanya kalau *TV* [Televisyen] *Station* [stesen] tak boleh merokok – aaa benda-benda larangannya yang lain tak ada-- apalah apalagi aaa aaa tak boleh keluarkan ayat-ayat yang aaa macam memaki, ayat yang mencarut aaa lepastu tak boleh laa kalau RTM kita tak boleh campur bahasa aaa *I* [saya] nak pegi sana tak boleh harus guna saya. TV3 tapi kalau dia *English* [inggeris] kena *full sentence* [ayat penuh] haa dia tak boleh rojak aaa itulah dia sikit-sikit.

NAF: Aaa lepastu aaa adakah terdapat perbezaan dalam melakonkan watak-watak dalam drama ataupun filem mengikut sesebuah syarikat penerbitan?

KAS: Semuanya *basic* [asas]nya adalah sama aaa yang bezanya kadang orang-orangnya, pekerja-pekerjanya adalah ataupun mereka ni cekap tak cekap mereka ni itulah bezanya adalah atas diri sendirilah maksudnya kan orang-orang tu aaa filem, drama TV ke apa *basic* [asas]nya aaa aaa tujuannya adalah sama, nak filem lagu, nak filem best, nak menonton, nakkan sinematik yang terbaik aaa semua sama aaa tapi aaa yang berbezanya orang yang bekerja aaa itu sahaja.

NAF: Seterusnya, kalau akak la apa yang akak lakukan sebelum nak mula penggambaran tu?

KAS: Macam rutin akak tu sendiri, akak ada buat apa-apa dulu ke sebelum akak mulakan penggambaran?

KAS: Aaa akak kalau besok scene apa akak akan tengok dekat rumah akak tengok skrip tu dulu so akak dah set dalam ni, oh ini besok aku kena tu aaa cerita dia, kisah dia kan *so* [jadi] dah dah dekat set tak ada apa-apa *just* [cuma] buat normal aaa kalau watak tu kadang-kadang watak tu watak berat, sedih ke apa kan, akak tak boleh la terlampau huha huha macam perangai akak ni, haa tapi kadang lepas juga kan tapi itulah *just* [cuma] kalau cerita tu berat, filem la selalunya kita memerlukan dalaman yang lebih kan *so* [jadi] kena sentiasa ada kat sinilah haa hmm.

NAF: Okey —

KAS: Kalau cerita komedi senang.

NAF: Haah, betul. Lepastu aaa adakah pelakon dibenarkan pulang selepas penggambaran ataupun harus tunggu sehingga penggambaran selesai?

KAS: Tak, kita habis kalau satu hari tu katalah ada enam *scene* [adegan] ke sepuluh *scene* [adegan] drama lah kan akak cuma ada dua *scene* [adegan], akak habis dua *scene* [adegan] akak akak baliklah, haa.

KAS: Aaa saya nak tanya kalau macam pelakon tu kan ada pengalaman tak akak macam pada hari tu mereka kata oh scene akak terpaksa dilakonkan pada esok hari ada tak macamtu?

KAS: Pernah, itu *depends* [bergantung] la kadang hujan, kadang-kadang cuaca kadang-kadang kita punya partner tu ada *emergency* [kecemasan] kes, so kita kena *tolerate* [tolak ansur] la kita kena lebih kurang la, “akak minta maaf kak dia tak

dapat datang sebab dia demam ke *whatever* [apa sahaja] kan”, okay tak apa akak balik je, haa benda-benda macamtu memang ada terjadi *so* [jadi] kami dah pelakon ni dah memang kena terima benda tu, tak ada, tak ada hal, haa hari tu hari mereka mana tahu hari kita, aaa kadang-kadang akak tiba-tiba pula eh minta maaf akak harini lambat sikit la nak hantar anak ke ni ke *whatever* [apa sahaja] *so* [jadi] mereka akan anjukkan *scene* [adegan] kita semua bawa berbincang haa.

NAF: – seterusnya antara drama ataupun filem, akak lebih digemari yang mana?

KAS: Dua-dua adalah lakonan, dua-dua adalah jiwa *so* [jadi] tak kisah yang mana cuma filem duit dia lebih sikit (gelak).

NAF: – bagaimana pula dengan pemilihan pakaian semasa penggambaran?

KAS: Selalunya pakaian aaa kita ada *designer* [pereka], *wardrobe* [almari pakaian] dengan *designer* [pereka] dia dia kalau filem memang dia lepas, drama pun kadang-kadang dia memba aaa mereka siapkan baju cari *sponsor* [penaja] baju kita *just* [cuma] pakai sahaja, bagi saiz kadang-kadang kita dia setengah kita setengah aaa baju pakaian tu, dia ada *designer* [pereka] untuk okey, orang ni kena pakai macam ni orang ni pakai kebaya orang ni pakai skirt, mereka yang *design* [reka].

NAF: Kiranya watak tu – (gelak kecil) mereka dah sediakan baju-baju untuk aaa macam akak contoh watak Opah mereka akan sediakan baju _____

KAS: Tak ada watak Opah, cucu Opah lah kau, opah tu dah tua dan masa tu akak budak (gelak kecil). Haa waktu tu dia ada mereka aaa RTM kan dia ada baju mereka, aaa mereka sediakan baju, kadang-kadang baju akak bawalah campur-campur, *mix and match* [campur dan padan].

NAF: Aaa pernahkah tak akak melakukan penggambaran masa hujan ke, hujan lebat?

KAS: Pernah, tukar *screenplay* [lakon layar] lah kalau tak hujan kalau kita nak kena habiskan juga jadikan *scene* [adegan] tu waktu hujan, hmm.

NAF: Aaa – adakah akak mempunyai pembantu masa menguruskan persiapan terutamanya semasa penggambaran tu?

KAS: Dekat set memang semua ada *wardrobe* [almari pakaian] ada konti ada semua ada jadi akak tak perlu untuk bawa *PA* [*Personal Assistant*] akak. Kadang-kadang tu untuk *drive* [memandu] tu kadang-kadang *husband* [suami] *drive* [memandu]kan, itu sahaja. Dekat set akak *just* [cuma] letak bag mereka yang uruskan haa semua semua untuk kita *production* [produksi] siap untuk semua orang haa.

NAF: Okey, aaa soalan seterusnya aaa bagi akak apa yang perlu akak elakkan semasa set penggambaran tu, semasa di set penggambaran?

KAS: Tiada nak elak apa, jangan bergaduh lah kan (gelak kecil), tiada apa yang perlu dielakkan *so far* [setakat ini] akak tak pernah terpikir (terfikir), tak pernah rasa, oh ni sahaja-- kena elakkan ini, tiada tak pernah aaa kita kalau pelakon yang bagus kena elakkan datang lambat haa ada, adalah (gelak) jangan menyusahkan orang lain aaa itu kena tanam dekat jiwa lah kita tahu tanggungjawab dengan *time* [masa], kita hormat orang haa itu sahaja (gelak).

NAF: Aaa kalau akak rasa gugup kan untuk berlakon aaa bagaimana akak mengatasi rasa gugup itu?

KAS: - Hah huh (gelak) lepas nafas tapi *so far* [setakat ini] tak adalah aaa Alhamdulillah lah kan sebab kita dah kenal orang.

NAF: Okey aaa soalan seterusnya –

KAS: Selawat lah masuk kan, setiap apa kita nak buat tu bismillah, selawat haa.

NAF: Aaa semasa penggambaran pasti ada cabaran-cabaran tersendiri aaa jika tidak keberatan akak boleh tak kongsikan cabaran itu?

KAS: Cabaran apa eh –

NAF: Antara yang –

KAS: Cabaran dia kalau yang *scene* [adegan] *accident* [kemalangan] kan, kalau macam kena langgar akak akan pastikan yang ini *stunt* [aksi] ke *stunt man* [lelaki lagak ngeri] ke tak yang bawa kereta ke apa macam itu sahaja lah. Kadang-kadang kalau akak tak nak buat akak kata tak berani buat orang lain pakai baju akak aaa okey macam tu maknanya sikit-sikit itu tak kena cuma *camera trick* [helah kamera] kan, bila macam kita sini, kamera langgar sini, mungkin lah kamera akan berada di sini ke sini *so* [jadi] tak Nampak perlanggaran di tengah haa itu akak berani lah, *camera trick* [helah kamera] haa.

KAS: Okey aaa masa akak berlakon tu ada tak macam kecederaan berat ataupun kecil (kecil) laa?

KAS: Ada la sikit-sikit kalau *scene* [adegan] lasak-lasak aaa tapi tak tak ada tak ada hal la mereka cepat-cepat la tanya pasal ubat, *so* [jadi] kita kena *give* [memberi] *and* [dan] *take* [menerima], kita kita terima skrip yang begitu *so* [jadi] kita kena lakonkan lah kalau terjadi sikit-sikit tu tak ada hal tapi kalau demam ke apa ke mereka hantar klinik macam itu.

NAF: Hmm aaa okey seterusnya, siapa yang menjadi inspirasi akak dalam bidang lakonan sehingga ke hari ini?

KAS: Sama soalan tak _____

NAF: Antara yang akak paling jadi inspirasi untuk akak?

KAS: Aaa entahlah dulu banyak tapi sekarang ini akak dah (sudah) eksyen kot (gelak). Tak ada lah tak ada lah macam Fauziah Nawawi bagus aaa Ogy Ahmad Daud, dia ada cara dia pun bagus, Aida Rahim pun okey, ramai lah pelakon lama-lama kan, pelakon-pelakon lama dia punya mantap jiwa dia lagi dahsyat la kan aaa

itulah tapi akak minat kecantikan *Bruce Shields* (gelak) *Bruce Shields*, *Blue Lagoon* (gelak).

NAF: Boleh akak cerita sikit pengalaman dengan peminat dekat luar?

KAS: Dari segi apa kau nak (hendak) tahu itu, pengalaman dengan peminat waktu akak duduk makan “akak, nak (hendak) tangkap gambar” aaa okay.

NAF: Bagaimana cara layanan mereka macamtu?

KAS: Semua semua baik walaupun akak berlakon cerita jahat, berlakon cerita jahat tetapi dia aaa “ee jahatnya tapi sayang kan”, akak cakap macamtu, “haah bagusnyaa haa itulah mereka puji mereka tak ada lah kata dulu-dulu *yes* [ya] zaman aaa 90-an ke 2000 awal-awal kan, masa berlakon cerita dengan Arash tak tahu apa *tajuk* cerita dia memang jahat giler (gila), Arash Arash Mohamad tu *husband* [suami], Arash kena baling batu, akak kena puihh (gelak). Itu dulu-dulu orang sekarang tak orang sekarang tak.

NAF: Aaa okay soalan yang seterusnya, bagaimana cara akak menarik lebih ramai penonton untuk menonton wa aaa drama yang aaa akak lakonkan?

KAS: Tak la akak *just* [cuma] aaa okey malam ini aaa drama ini keluar *just* [cuma] dekat *FB* [*Facebook*], *IG* [*Instagram*] itu sahaja lah, media sosial lah humm. Itu sahaja tapi mereka pun macam artis kan.

NAF: Kalau bagi pandangan akak la, persepsi akak untuk penonton yang aaa negatif macam oh dia ni macam ni macam ni dekat luar?

KAS: Aaa netizen tetap ada tapi akak diam sahaja lah, kita diam habislah (ketawa kecil) – kadang-kadang tak ada kerja kesian dia (gelak). Kan kita sibuk, dia tak ada kerja ni –

NAF: Apa yang akak harapkan daripada penonton untuk drama-drama akak?

KAS: Menonton lah dan *happy* [gembira] lah, kalau akak akak terima sebarang komen okey tak aaa, okey ke tak ke bagitahu (beritahu) kan tapi *so far* [setakat ini] Alhamdulillah lah aaa.

KAS: Aaa untuk akak sendirilah pengalaman akak dengan masa mula-mula akak berlakon sampai industri sekarang kan apa perbezaan penonton maksudnya penerimaan penonton maksudnya dulu mereka lebih vokal dalam lontarkan komen ataupun sekarang lagi –?

KAS: Sekarang – hmm dulu tak kisah kan dulu tak ada, sekarang ini melampau-lampau, ada yang melampau. Kalau kita melampau orang adalah benda nak (hendak) dituju kalau kita normal buat kerja kita tak ada tak ada apa pun *point* [titik] nak (hendak) buat kan jadi kita buat kerja kita haa itu sahaja. Haa, beker-- bekerja setiap bekerja itu buat dengan niat *so* [jadi] akak niat akan nak (hendak) aaa bila akak berlakon jadi jahat tu ini ini adalah tauladan yang aku buat tauladan untuk orang supaya jangan jadi macam aku, okey macam itu, segala apa yang kita buat kena niat dan satu lagi untuk *entertained* [menghiburkan] menghiburkan orang duduk rumah kan tengok TV (Televisyen).

KAS: Aaa masa akak berlakon itu akak pernah diganggu oleh peminat-peminat akak tak maksudnya ada –

KAS: Aaa kita ramai yang jaga kan kita ada kamera ada-- *cameraman* [jurukamera] ada *PM* [*Personal Manager*] ada waktu *shooting* [penggambaran] tak ada siapa berani kacau *so* [jadi] kalau kita rasa penat *so* [jadi] kita duduk tempat-tempat artis ni jadi orang tak adalah serbu kita tapi waktu dah (sudah) habis itu terpulang pandai-pandai kita lari (gelak).

NAF: Okey soalan yang kedua puluh (20), apa prinsip akak menjadi seorang penyanyi sebab akak kata tadi akak ada –

KAS: Akak suka menyanyi. Tak adalah akak waktu buat *emcee* [pengacara] akak menyanyilah haa dan akak adalah single orang buat kan tapi akak tak memang tak—luaskan dia sebab lagu itu adalah untuk akak waktu buat pengacara dekat pentas *opening* [pembukaan] kan akak kena keluar dengan lagu itu.

NAF: Hmm selepas itu bagaimanakah akak dapat mengekalkan sesuatu personaliti sebagai pelakon itu?

KAS: Maksudnya akak kekal *in character* [dalam watak]

NAF: Haa *in character* [dalam watak]

KAS: Jaga disiplin diri aaa hormat orang aaa kalau orang suka kita aaa itulah adalah satu iklan dari mulut ke mulut kan, “eh ambil Kak Khaty, Kak Khaty *best* [terbaik] la”, kalau kita tak bagus aaa bila sahaja sebut orang sebut nama kita kan, “nak ambil Kak Khaty la, eh tak nak lah dia *problem* [masalah]”, dia bahaya jadi kita yang bahaya lagi iklan mulut ke mulut ni tau (tahu) haa jadi kita kena jaga diri kita haa tak payah sibuk nak jaga orang (gelak kecil).

NAF: Okey, soalan seterusnya, adakah akak ini pernah berhadapan dengan pelakon yang tidak berkualiti ke ataupun personaliti yang negatif aaa?

KAS: Personaliti – aaa kurang la. Ada manusia kan. Ada kalau macam tu kalau dia tak hafal-hafal dialog akak dah dua tiga empat kali dah (sudah) penat itu akak suruh duduk dulu akak suruh *Assistant Director* [Penolong Pengarah] *rehearsal* [raptai] dia dulu lah

haa itu dah (sudah) marah lah sikit dah (sudah) sebab kita kerja kita dah (sudah) *prepare* [sedia] diri kita kan “kenapa kau tak boleh buat tu kenapa”, bila kau tak boleh nak (hendak) buat kau menyusahkan orang lain, *cameraman* [jurukamera] pegang -- lah apa penat semua orang jadi kena profesional dengan kerja.

NAF: Aaa okey soalan ke dua puluh satu (21) jika boleh kami tahu _____

KAS: Tak payah sebut nombor lah (gelak kecil)

NAF: Ketika zaman kegemilangan akak, adakah akak pernah dikaitkan dengan kontroversi?

KAS: Kontroversi, gosip-gosip tak ada.

NAF: Tak ada. Okey, (bunyi selakan kertas). Apakah kenangan manis yang masih segar dalam ingatan akak aaa sepanjang karier sehingga sekarang, antara kenangan yang paling manis?

KAS: Tak [tidak] ada, seronok la akak diterima sebagai pelakon orang kenal kadang-kadang kita menjadi aaa satu tahap aaa yang sikit la bukanlah kata nak (hendak) bangga tapi *yes* [ya] akak boleh bertahan sampai sekarang ini kan dalam setengah orang dah (sudah) jatuh dah kan pelakon baru meletup *last-last* [akhir-akhir] hilang kan macam akak *maintain* [mengekal] kan Alhamdulillah akak tu dah (sudah) puas dah.

KAS: Okey, hmm bagi pandangan akak la sejauh mana aaa barisan krew-krew yang akak pernah bekerja ini aaa sejauh mana aaa kepentingan mereka dalam set itu sendiri?

KAS: Memang terlalu penting, tak ada mereka siapa nak (hendak) *shoot* [gambar]. Semua penting daripada *Director* [Pengarah] sampai yang buat air semua penting aaa –

NAF: Okey soalan okey aaa jika boleh kami tahu apakah sumbangan akak dalam industri ini kepada rakan artis?

KAS: Sumbangan akak, akak berlakonlah (gelak) dan kita kena kena profesional lah kan, tolong bantu-bantu kawan.

NAF: Siapa yang banyak membantu akak dalam sumbangan lakonan ini, industri lakonan ini?

KAS: Sendirilah. (bunyi selakan kertas)

NAF: Melalui kajian kami, kami mendapati akak ini pernah terlibat dalam bidang nyanyian dan pengacaraan, okey jika akak sudi bolehkah akak menceritakan penglibatan akak dalam bidang nyanyian dan pengacaraan ini? Apa genre nyanyian yang telah akak bawakan?

KAS: *Blues* hmm.

NAF: Pada tahun bilakah nyanyian tersebut aaa dirakamkan?

KAS: Dua tahun lepas kot.

NAF: Oh, baru lagi la.

KAS: Kalau orang cari la. (ketawa kecil)

NAF: Aaa adakah nama single ataupun album yang akak –?

KAS: Aaa yang itu akak lupa. Tak ada. Ada tak itu lagu biasa untuk akak buat aaa buat-nyanyi, tajuk dia *Blues Anjer* selepas itu sat utu Bahana Duit duet dengan Nik Putra yang penyanyi Cinta Kain Putih tu kan.

NAF: Berapa lama masa yang diambil untuk merakamkan satu-satu lagu?

KAS: Sekejap curi-curi masa waktu habis *shooting* [penggambaran] malam pergi studio, *rehearsal* [raptai]-- dalam kita selalu buat dalam dua tiga bulan *just* [cuma] *simple-simple* [mudah-mudah] bukanlah betul-betul pergi masuk studio yang besar apa semua tak lah aaa.

NAF: Aaa jika boleh kami tahu apa tajuk lagu tersebut?

KAS: Itulah tadi itu.

NAF: Oh –

KAS: Apa? (gelak)

KAS: Maksud aaa tajuk yang khusus?

NAF: Haah tajuk yang khusus.

KAS: Tak tajuk dia adalah itu aaa kat [dekat] single itu pun tulis itu.

NAF: Oh sama.

KAS: Apa dia? Apa haah? (gelak)

NAF: Okey aaa –

KAS: Aaa apa lagu kegemaran akak?

KAS: Kegemaran akak suka *Blues*, *Rock* aaa *Dangdut* haa.

NAF: Oh. Apa matlamat akak untuk menyertai bidang nyanyian ini?

KAS: Matlamat tak ada, dah [sudah] tua-tua ini *just* [cuma] *just* [cuma] akak *happy* [gembira] bila akak mengacara, akak menyanyi kalau pergi mana-mana pun walaupun dekat situ ramai penyanyi, penyanyi sendiri yang *invite* [menjemput] akak suruh menyanyi dan mereka tahu sebab kita pelakon *so* [jadi] kalau salah pun tak ada masalah kan macam contoh Jamal, Dato' Daud Kilau akak *join* [sertai] mereka, “haa cucu Opah pergi menyanyi”, haa macam itu *so* [jadi] mereka tahu akak menyanyi tapi menyanyi *just* [cuma] akak bukan penyanyi akak adalah penghibur macam itu *so* [jadi] akak mengacara haa akak *entertainer* [penghibur].

NAF: Okey, aaa kami dapat tahu bahawa akak ini menceburi bidang pengacaraan juga, jadi bila akak mula berminat untuk menceburi bidang pengacaraan?

KAS: Dah (sudah) lama dah lim-- lama dah, lima enam tahun tak tahu –

NAF: Aaa apa yang menyebabkan akak untuk terlibat dalam bidang pengacaraan?

KAS: Dah orang panggil. (gelak)

NAF: Oh, mula-mula orang panggil.

KAS: Orang suruh buat kita buat la, biasa la aaa akak bagi akak mana masuk duit pergi lah. (ketawa kecil)

NAF: Hmm siapa individu yang menawarkan pengacaraan itu?

KAS: Tak tahu lah, dah [sudah] lama dah, haah. *So* [jadi] sekarang merata-rata untuk *dinner* [makan malam], untuk karnival kan.

NAF: Sekiranya akak ingat la aaa apa nama program ataupun majlis yang akak mengacarakan?

KAS: Aaa *first* [pertama] sekali karnival kot. Karnival-karnival, *bikers-bikers* [penunggang motosikal] punya *event* [majlis].

NAF: Aaa di mana program tersebut dilangsungkan?

KAS: Aaa banyak dik– tak ingat dik [adik], kau tulis sahaja mana-mana. Memang mana-mana semua tempat akak pergi dik [adik].

NAF: Aaa kalau kita tahu kan bidang pengacaraan ini bidang yang mementingkan prosedur untuk menjayakannya, jadi bagaimana akak dapat ikut prosedur tersebut?

KAS: *Youtube* ada, kita tengok la tugas-tugas pengacaraan, apa yang perlu, apa yang tak perlu sikit-sikit, *so far* [setakat ini] okey la itu sahaja.

NAF: Aaa okey soalan seterusnya, apa perkembangan terkini akak? Boleh akak ceritakan sedikit aaa adakah akak masih menerima tawaran untuk berlakon?

KAS: Masih berlakon sampai sekarang, baru habis *shooting* [penggambaran]. (gelak).
Masih. (bunyi selakan kertas)

NAF: Adakah bayaran tersebut aaa sama seperti lakonan yang sekarang ataupun dahulu?

KAS: Dah (sudah) ada dah soalan itu kan, haa. Bayaran okey, memuaskan.

NAF: Aaa selain berlakon, adakah akak mempunyai punca atau sumber rezeki lain?

KAS: Hmm, pengacaraan.

NAF: Oh, pengacaraan itu.

KAS: Haah, haa itulah. Kadang-kadang berniaga sikit-sikit la kan. Produk tu akak tak terus akak kadang-kadang orang panggil akak aaa sebagai untuk aaa wakikan produk dia. Macam ini baru ini pergi *Singapore* [Singapura] bawa satu produk.

NAF: Bagaimana akak dapat idea tersebut?

KAS: Tak ada, orang yang minta tolong kita *so* [jadi] okey biar sahaja lah.

KAS: Aaa hmm maksudnya sebelum akak untuk terima sesuatu produk tu akak akan tengok dulu tak produk itu macam mana?

KAS: Ya, aaa tengok lah macam produk yang akak bawa ini *skincare* [penjagaan kulit] satu nama yang besar akak tak-- boleh sebut la dia pun tak bayar akak untuk sebut dalam ini, haa *so* [jadi] akak akak pakai produk dia hmm. Itu yang sampai *Singapore* [Singapura] itu. Patutnya pergi lagi sepuluh (10), sebelas (11), dua belas (12) itu hari kan, tak larat sebab ada *shooting* [penggambaran]. Eh, sepuluh (10), sebelas (11), dua belas (12) *coming* [akan datang] apa dua puluh satu (21), dua puluh dua (22), dua puluh tiga (23).

NAF: Bagi aaa untuk menjayakan produk-produk tersebut kan, akak macam ambil inisiatif macam mana untuk memakai produk tu ke macam, “oh –

KAS: Akak pakai–

KAS: Ada sepanjang akak ambil produk-produk yang akak pernah aaa wakulkan itu, ada ada produk itu macam –

KAS: Tak, akak *skincare* [penjagaan kulit] jarang sebenarnya tapi ini satu produk ini dah (sudah) berapa belas tahun dalam industri *that means* [itu bermakna] produk dia tak ada masalah bila dia dah (sudah) melebihi sepuluh (10) tahun itu makna produk itu okey, jangan produk yang baru keluar dua tahun tiba-tiba pakai

terkopek-kopek *sorry* [maaf] lah ya cakap itu, itu akak tak berani cuba. Yang ini dah [sudah] sepuluh (10) dah [sudah] tujuh belas (17) tahun rasanya, *so* [jadi] bagi akak okey *so* [jadi] akak boleh cuba. Produk itu okey. Nama dia ada sampai sekarang okey.

NAF: Tak boleh sebut lah nama dia?

KAS: Tak nak lah, dia tak bayar akak. Dia bayar akak dekat *Singapore* [Singapore], (gelak). Faham?

NAF: Oh, faham. Okey apa perancangan akak dalam industri lakonan untuk masa hadapan?

KAS: Perancangan akak tetap akan berlakon selagi orang terima walaupun akak aaa daripada cucu aaa selepas itu jadi anak, jadi mak, jadi nenek sampai nenek besok pun akak akan berlakon, haa kalau orang masih memerlukan, haa akak tak ada *full stop* [titik noktah].

NAF: Kalau contoh pada suatu masa hari nanti orang lama dah [sudah] tak panggil akak berlakon, macam mana perasaan akak?

KAS: Tak kisah lah (gelak), bukan rezeki, haa akak macam itu sahaja senang haa.

NAF: Selepas itu, kalau akak nak bekerja dalam bidang lain, apa bidang yang akak akan ceburi?

KAS: Dah [sudah] tua dik [adik], (gelak), bila habis habis kita selalu pelakon dia tak akan pergi mana, habis pergi meniaga, itu sahaja. Haa nak kerja kerja apa pulakan. Meniaga lah *that means* [itu bermakna] guna diri sendiri sebab kita dah ada nama kat situ dengan meniaga Insya-Allah lah.

NAF: Soalan seterusnya, apa harapan akak terhadap seni lakonan untuk hari ini?

KAS: Harapan supaya *maintain* [kekalkan] macam sekarang lah sampai bila-bila lakonan untuk aaa industri lakonan ini tetap ada sampai bila-bila aaa *so* [jadi] akak memang nak berlakon sahaja.

NAF: Sekarang macam banyak gosip-gosip pasal lakonan apa semua bagaimana akak –

KAS: Semua terletak pada diri sendiri, macam mana kita bawa diri kita. Kalau kita tak ada masalah orang takkan mengata kita, haa itu sahaja. Sendiri bawa.

KAS: Macam –

KAS: Apalagi dik [adik]. (gelak)

KAS: Macam pendapat akak sekarang kan cara mereka promosikan dia punya contoh lagu ke ataupun lakonan itu kan mesti kena ada gosip, akak rasa perkara itu –

KAS: Terpulang pada mereka, akak tak boleh komen itu aaa kadang-kadang mereka memerlukan itu kan, bukan sebenarnya bukan sengaja mereka buat untuk aaa macam terkejutkan orang supaya orang nampak benda itu, itu sahaja, tujuan dia pun baik sebenarnya dia buat apa-apa supaya orang *knowledge* [berpengetahuan] haa orang aaa *take note* [mengambil nota] kan, mereka sedar, sedar kemunculan haa macam itu, itu untuk *highlight* [sorotan] sahaja.

NAF: Hmm aaa bagi akak la bagaimana pula aplikasi TikTok itu dapat me apa menaikkan nama para pelakon –

KAS: Sebab TikTok ramai pengikut, haa itu sahaja la. Bukan nak kata TikTok itu bagus kalau kau rajin buat *live* [siaran langsung] ke apa mana-mana media sosial yang banyak *followers* [pengikut] banyak *viewers* [penonton] haa semua bagus kan.

NAF: Kalau akak patut ke kita macam mula-mula aplikasi TikTok yang mendapat tempat bukannya aplikasi yang macam mula-mula yang menyebarkan –

KAS: Sebab dia pandai, semua kan bersaing aaa dulu mungkin apa banyak kan banyak Star lah apa benda, TikTok akak ada TikTok haa.

NAF: Sebab aaa _____

KAS: Sebab dia pandai, mungkin dia memberi pendapatan juga TikTok ini sesiapa buat *live* [siaran langsung] haa.

KAS: Bagi akak lah hmm contoh macam akak sebelum ini akak ada cakap pelakon akan melalui fasa dia kan, satu fasa –

KAS: Satu fasa nak *glamour* [terkenal], “oh aku nak berlakon lah aku nak *glamour* [terkenal], yang kedua fasa kedua nak duit kan, aaa “aku nak ini berapa kau bayar aku” itu soalan pertama dia. Bila fasa ketiga itu dia dah jadi darah daging, jiwa macam akak sekarang akak tanya okey sekarang watak apa aaa kaya, miskin aaa itu akak tanya kaya ke miskin itu untuk akak nak ni kan pakain akak, dia sombong, baik aaa komedi itu watak akak nak bawa, itu soalan akak tanya orang yang *last-last* [akhir-akhir] itu kadang-kadang untuk aaa berapa entah tak tanya haa itu mereka akan *deal* [berurusan] kemudian. Kalau yang fasa yang kedua dulu itu aaa berapa eh berapa episod berapa *scene* [adegan] eh aaa berapa *payment* [bayaran] eh soalan aaa itu itu fasa kedua, fasa akak sekarang akak lebih pada watak, kaya, miskin, jahat, baik haa disitu akak dapat gambaran dah *so* [jadi] akak boleh *link* [paut] kan dengan *tally* [paut] kan dengan baju

NAF: Soalan seterusnya bagi akak lah cabaran, apakah cabaran yang akan dilalui oleh pelakon yang aaa berkecimpung baru dalam lakonan?

KAS: Cabaran dia kena kuat iman, itu sahaja kan. Haa angguk kau. Semua diri sendiri, kuat iman merangkul ini semua, kan kau kena marah, kalau kau tak berlakon bagus, *Director* [Pengarah] marah haa itu kau kena sendiri lah, dia sendiri kena betul pasang niat yang betul.

NAF: Industri lakonan ini banyak kecaman sekarang kan tak kira daripada mana-mana

–

KAS: Tak ada. Akak tak ada apa-apa pun, kecaman apa.

NAF: Ya lah daripada kita baca komen-komen –

KAS: Itu komen (gelak). Itu kalau awak dah buat *deal* [urusan] sendiri lah kalau buat sesuatu untuk menarik minat komen-komen jadilah macam itu. Kalau dia *just* [cuma] normal aaa berlakon itu rezeki untuk apa normal lah jadi dia. Kan adik kan. Kau elok-elok perangai (gelak)

NAF: Aaa apa cadangan akak untuk meningkatkan pencapaian dalam bidang lakonan terutamanya di Malaysia ini?

KAS: Cadangan itu tak ada lah mereka lebih pandai dari akak la kita ada persatuan ada industri, mereka sentiasa memikirkan benda-benda itu. Aaa jadi kita ini kalau *start* [mula] jadi pelakon, akak pelakon akak *just* [cuma] berlakon mengikut aaa garis panduan yang mereka beri macam apa boleh apa tak boleh kalau apa kita *try* [cuba] apa watak yang bawa watak yang baik, disiplin harus ada itu sahaja yang untuk untuk membawa ke mana itu itu industri.

NAF: Kalau bagi akak la, kalau akak jumpa dengan pelakon yang muda, baru nak naik selepas itu dia macam sombong, bagaimana akak nak nasihat dia?

KAS: Akak buat tak nampak – akak selalu buat tak kenal, oh okey dia walaupun sebelah akak akak lalu jadi tabiatnya begitu. Kalau kau hormat aku, aku hormat kau. Macam kita jumpa yang lama kita akan pergi kan kalau kadang mungkin la orang sekarang budak-budak muda yang berlakon banyak anak orang kaya kan orang kaya apa tapi kadang-kadang bukan kadang-kadang akak dapat tangkap juga bukan pasal mereka sombong, pasal mereka malu, mereka malu muka akak

muka garang juga kan, contoh akak la kan haa mereka macam malu takut nak dekat tapi akak akan *try* [cuba] senyum juga tapi bila senyum kau tak balas itu makna kau bukan lah malu haa itu haa. Akak akan sentiasa senyum dengan yang baru ke dengan yang lama. Tu *signal* [isyarat] untuk mereka datang.

NAF: Okey aaa bagi akak la aaa apa anugerah yang akak impikan selama ini?

KAS: Hmm dulu pernah impi la sekarang dah tak hairan anugerah itu tapi kalau dapat sebelum apa-apa nak satu la tak kisah la anugerah apa, Pelakon Terbaik la (gelak).

NAF: Aaa apa antara anugerah yang paling berharga yang pernah akak capai selama bergelar jadi anak seni?

KAS: Tak ada, dah dapat *final* [peringkat] Anugerah Skrin, itu sahaja, sebab itu mereka semua apa komen-komen, "kenapa kau tak dapat berlakon bagus, doakan tahun ini akak dapat", haa itu sahaja lah. Kadang-kadang itu rezeki haa banyak lagi bagus daripada akak pun tak dapat juga haa kan hmm rezeki lah, semua itu rezeki.

NAF: Okey soalan yang terakhir la –

KAS: Haa akhir (gelak)

NAF: Apakah impian akak untuk masa hadapan aaa terutamanya kepada pelbagai bidang la, bidang lakonan, bidang nyanyian?

KAS: Semoga akak terus *success* [berjaya], diterima orang, supaya akak tak ada nak rasa aaa dengki-dengki dekat orang *so* [jadi] orang boleh terima akak, memberi sokongan dalam apa sahaja kerja akak buat aaa semoga akak sihat.

NAF: Kalau akak tak keberatan la, sampai bila akak nak berjuang dalam industri lakonan ini?

KAS: Sampai bila-bila, sampai aaa akak sihat, akak tak sakit tak terlantar dan orang masih memerlukan khidmat akak sebagai pelakon walaupun jadi nenek ke jadi moyang ke akak tetap berlakon selagi akak boleh melangkah berjalan pergi set haa akak tak ada titik noktah untk berlakon. Akak dah jadi macam satu kerja wajib satu darah daging satu macam orang perlukan aku untuk watak itu haa *so* [jadi] akak bawa walaupun kaya macam mana mana tahu Tuhan nak bagi “wah, kaya jutawan” kan aaa akak tetap akan berlakon tapi kena ikut la, mana tahu akak akan melancong sana melancong sini kan dah orang kaya kan.(gelak).

NAF: Dia macam ikut *flow* [aliran] la akak kan.

KAS: Aaa tapi berlakon akak tak pernah ada noktah.

NAF: Aaa kalau untuk menyanyi?

KAS: Menyanyi sesuka akak tak ada ambil serius pun haa.

NAF: Aaa tapi akak ada pernah keluarkan lagu –

KAS: Allah, itu orang yang minta rakam, dia yang bayar akak tak dapat duit langsung haa kau nak eh aku bukan boleh menyanyi, ramai penyanyi tapi kau suara akak boleh mungkin tak ramai suara yang kasar kan.

KAS: Aaa ini soalan *last* [akhir] daripada saya –

KAS: Apa tajuk lagu (gelak)

KAS: Bukan— aaa macam sebagai seorang pelakon ini, akak nak peminat akak ingat akak sebagai apa?

KAS: Sebagai seorang pelakon yang baik, yang bagus, yang – mereka boleh aaa apa eh banggakan haa, itu akak nak mereka anggap akak bila sebut “Khaty Azian ini *best* [terbaik] la, itu akak nak, akak tak nak orang kata, “eh dia itu apa” haa aku tak nak yang itu.

NAF: Oh, kira dekat luar macam orang akan panggil akak dengan watak yang hebat laa.

KAS: Kak Khaty, kak anje, kat *FB* [*Facebook*] Anje sahaja kan. Kat TikTok pun anje, *so* [jadi] mereka anje, Khaty macam itu.

NAF: Okey, soalan telah tamat.

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai pendokumentasian sejarah lisan bersama Puan Norazian Binti Salehan. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan temubual ini. Sekian, terima kasih.

6.0 LOG TEMUBUAL

MASA	PERKARA	CATATAN
00:11	Latar belakang tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Norazian binti Salehan • Anak yang keenam • Mempunyai 6 orang anak • Mempunyai cucu 6 orang
02:21	Umur tokoh bermula lakonan	<ul style="list-style-type: none"> • 16 tahun
02:41	Pendidikan awal rendah menengah	<ul style="list-style-type: none"> • Di Perak • Di Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan • Di Petaling Jaya
03:50	Cita-cita tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Pada awalnya hendak menjadi penyanyi • Pelakon datang secara tiba-tiba
12:41	Pekerjaan tokoh sebelum menjadi seorang pelakon	<ul style="list-style-type: none"> • Bersekolah
12:58	Pendapat dan tanggapan tokoh terhadap bidang seni lakonan	<ul style="list-style-type: none"> • Memberangsangkan sebab mengajar kita menjadi seorang yang berdisiplin, boleh jumpa rami orang, pergi tempat-tempat yang tak pernah pergi • Boleh menambah pendapatan • Terpulang kepada individu macam mana membawa diri

13:41	Pandangan tokoh terhadap industri lakonan pada masa kini	<ul style="list-style-type: none"> ● Industri memberangsangkan ● Berkembang baik ● Boleh bertahan daripada sekolah tidak bekerja
14:01	Pendapat tokoh terhadap pihak media	<ul style="list-style-type: none"> ● Membantu artis-artis ● Kadang-kadang bahaya juga untuk artis ● Pihak media sememangnya harus bekerjasama dengan pihak artis
14:41	Perjalanan kerjaya tokoh dalam bidang lakonan	<ul style="list-style-type: none"> ● Sekolah ● Berlakon ● Bekerja dengan produk kesihatan jadi Sales & Marketing Manager selama 2 hingga 3 tahun sewaktu ekonomi gawat ● Apabila keadaan kembali normal, berlakon semula
16:14	Produk yang tokoh jual	<ul style="list-style-type: none"> ● Belina Cosmetic, produk susu kambing
17:33	Tokoh memulakan kerjaya sebagai pelakon	<ul style="list-style-type: none"> ● Drama bersiri Opah
22:48	Saluran tokoh dapat tahu tentang penyertaan	<ul style="list-style-type: none"> ● Kawan-kawan
17:26	Adakah lakonan pertama tokoh menjadi batu loncatan untuk menempa nama dalam dunia lakonan	<ul style="list-style-type: none"> ● Ya, sebab terlibat dalam drama bersiri Opah ● Semasa itu tak ramai saingan lagi

		<ul style="list-style-type: none"> ● Drama RTM yang memang orang tunggu-tunggu ● Drama tersebut ada 4 musim
19:15	Antara pelakon baharu yang boleh menempa nama di industri tanah air	<ul style="list-style-type: none"> ● Shiha Zikir, mempunyai bakat yang terbaik
21:17	Tokoh mengimpikan kerjaya pelakon atau kerjaya lain	<ul style="list-style-type: none"> ● Lebih memilih kerjaya nyanyian sejak kecil ● Lakonan bermula Tingkatan 4
22:35	Insan mula-mula membawa diri tokoh dalam bidang lakonan	<ul style="list-style-type: none"> ● Diri sendiri ● Kawan-kawan
23:50	Idola tokoh dalam bidang lakonan	<ul style="list-style-type: none"> ● Aida Rahim ● Jasmine Hamid
29:18	Lakonan pertama tokoh	<ul style="list-style-type: none"> ● Drama Opah sebagai Khaty
29:27	Tahun mula disiarkan	<ul style="list-style-type: none"> ● Hujung tahun 1983
29:43	Drama Opah yang dilakonan oleh tokoh mengisahkan tentang	<ul style="list-style-type: none"> ● Mengisahkan tentang kekeluargaan
30:48	Cara tokoh melahirkan pelbagai perasaan semasa memegang watak Khaty	<ul style="list-style-type: none"> ● Memang sudah terselit bakat ● Buat macam biasa
31:25	Pengajaran yang dapat diambil daripada drama Opah	<ul style="list-style-type: none"> ● Lebih banyak pada nasihat
32:09	Drama tokoh tersebut di bawah syarikat penerbitan yang mana	<ul style="list-style-type: none"> ● Radio Televisyen Malaysia (RTM)

36:31	Kalau tokoh menjadi penonton, drama kegemaran tokoh	<ul style="list-style-type: none"> ● Opah ● Cinderella ● Dosa Semalam dengan Janna Nick ● Janji Adam
39:40	Pengalaman tokoh dalam bidang lakonan semasa Covid-19	<ul style="list-style-type: none"> ● Mula-mula Covid-19 melanda memang berhenti semua ● Bila sudah longgar sikit, berlakon seperti biasa ● Susah sikit kena ada surat daripada syarikat untuk keluar ● Sebelum masuk set kena ada bukti bahawa tidak ada Covid, kena jumpa doktor ● Setiap orang kena test dulu, normal, tak demam baru boleh masuk set ● Terhadap kepada beberapa orang sahaja ● Pelakon tambahan pun ditest
48:59	Cabaran tokoh semasa penggambaran	<ul style="list-style-type: none"> ● Cabaran semasa adegan-adegan kemalangan ● Kalau tak berani buat, orang lain akan pakai baju tokoh dan melakukan adegan tersebut
57:20	Genre nyanyian yang telah tokoh bawakan	<ul style="list-style-type: none"> ● Blues

57:26	Tahun nyanyian tersebut dirakamkan	<ul style="list-style-type: none"> ● 2 tahun lepas
57:35	Nama single atau album nyanyian tokoh	<ul style="list-style-type: none"> ● Blues Anjer ● Bahana Duet berduet dengan Nik Putra
01:00:41	Perkembangan terkini tokoh	<ul style="list-style-type: none"> ● Masih berlakon sampai sekarang ● Baru habis penggambaran
01:01:07	Selain berlakon, tokoh mempunyai sumber atau punca rezeki lain	<ul style="list-style-type: none"> ● Pengacaraan ● Berniaga
01:03:05	Perancangan tokoh dalam industri lakonan untuk masa hadapan	<ul style="list-style-type: none"> ● Tetap akan berlakon walaupun pelbagai peringkat umur kalau masih memerlukan
01:06:05	Pelakon melalui fasa-fasanya	<ul style="list-style-type: none"> ● Satu, fasa nak glamor ● Fasa kedua nak duit ● Fasa ketiga sudah menjadi darah daging, jiwa
01:09:45	Anugerah yang diimpikan oleh tokoh selama ini	<ul style="list-style-type: none"> ● Anugerah Pelakon Terbaik
01:10:36	Impian tokoh untuk masa hadapan terutamanya dalam pelbagai bidang	<ul style="list-style-type: none"> ● Semoga terus berjaya, diterima orang ● Memberi sokongan

7.0 RALAT

Sesi temu bual yang dijalankan dengan tokoh pilihan kami iaitu Puan Khaty Azian terdapat beberapa gangguan yang tidak dapat dielakkan. Tetapi, temu bual yang dijalankan berjalan dengan lancar dan baik dengan izin Tuhan. Di sini, kami menyenaraikan antara gangguan yang terjadi selama temu bual berlangsung:

- Bunyi selakan kertas
- Bunyi seseorang batuk
- Bunyi pintu dibuka
- Bunyi pendingin hawa
- Ada beberapa perkataan yang tidak jelas

Walaupun terdapat beberapa kekangan yang terjadi, sesi temu bual yang dijalankan tetap dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Puan Khaty Azian atas kesudian beliau untuk meluangkan masa bersama kami dalam menjayakan kajian ini meskipun Puan Khaty Azian mempunyai jadual yang agak sibuk.

8.0 RINGKASAN

Kashful Asrar bin Saifuddin dan rakannya, Nur Alia Farina binti Tohir telah berjaya menjalankan sesi temubual sejarah lisan bersama-sama tokoh veteran iaitu Puan Norazian binti Salehan ataupun dikenali sebagai Khaty Azian, bertempat di Perpustakaan Perbadanan Awam Shah Alam. Sesi temubual yang dijalankan adalah satu sesi sahaja dan temubual dijalankan berdurasi selama 1 jam 13 minit. Sesi temubual ini dijalankan jam 3 petang sehingga jam 4.30 petang.

Norazian Salehan atau lebih dikenali sebagai Khaty Azian dilahirkan pada 6 November 1966. Khaty Azian adalah seorang pelakon, penyanyi dan pengacara wanita Malaysia. Tokoh juga turut menjadi Pengurus Promosi Jualan dan Penganjuran Acara di Belina Cosmetic Sdn. Bhd. Khaty mula dikenali apabila melakonkan watak Khaty dalam drama bersiri popular 1980-an, Opah. Khaty pernah merakamkan lagu berjudul Blues Anjer ciptaan komposer Ezra Yaacob sekitar 2016.

Sesi temubual merungkaikan bagaimana karier beliau menjadi seorang pelakon dalam industri seni tanah air. Setiap pengalaman yang dikongsikan amatlah menarik dan dapat memberi banyak pengajaran kepada semua penyelidik kerana penglibatannya dalam bidang lakonan ini lebih daripada 20 tahun. Khaty Azian sangat berbesar hati berkongsi mengenai kehidupan beliau sebagai seorang pelakon tanpa meninggalkan sedikit perincian cerita. Oleh sebab itu, sesi temubual ini telah berjalan dengan lancar. Temubual sejarah lisan mengandungi banyak perkara yang disentuh seperti tentang latar belakang beliau, cabaran yang dihadapi oleh beliau seorang pelakon tanah air. Beliau juga menceritakan pengalaman beliau bermula menjadi pelakon sejak kecil sehingga namanya dikenali ramai sehingga kini. Perjalanan karier beliau sebagai seorang pelakon veteran tanah air yang penuh dengan suka dan duka telah dikongsikan dengan lebih terperinci dan ia amat membantu dalam memberi panduan kepada masyarakat umum dan para penyelidik yang akan datang.

9.0 GLOSARI

A

Audit : Pemeriksaan dan pengesahan kira-kira (akaun)

Auditor : Orang yang memeriksa kegiatan operasional bank

B

Butik : Kedai kecil yang biasanya menjual pakaian wanita yang terbaru fesyennya dan hiasan-hiasan badan wanita seperti rantai leher dan gelang

C

D

E

F

G

Genre : Kategori atau jenis karya sastera atau seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk atau Kandungan tertentu

Guru Besar : Guru yang mengetuai sesuatu sekolah

H

I

J

Jamu : Herba

K

Karnival : Acara meriah

Kebaya : Baju perempuan yang bertangan panjang dan berbelah di bahagian dadanya (ditutup dengan Butang, pin atau kerongsang)

Kenduri : Perjamuan makan

Komedi : Drama, filem dan sebagainya yang ringan dan lucu

Kontroversi : Perselisihan atau pertelingkahan pendapat dan sebagainya yang biasanya berlarutan dan agak meluas di antara golongan (pihak lain-lain yang berlainan pendirian)

L

M

N

O

P

Panggung drama	: Pentas drama
Pencen	: Tidak bekerja lagi
Pelamin	: Tempat pengantin bersanding
Penerbit	: Orang, syarikat dan lain-lain yang menerbitkan drama, filem dan lain-lain
Pengarah	: Orang yang kerjanya mengarah (filem, drama dan sebagainya)
Penggambaran	: Kegiatan membuat filem termasuk berlakon, mengarah dan sebagainya
Penjara	: Tempat atau bangunan penjenayah dikurung sebagai hukuman

Q

R

Rakan kongsi	: Individu yang bergabung dengan orang lain untuk membangun sesuatu bersama
--------------	---

S

Skirt

: Sejenis pakaian luar perempuan yang dilekatkan di pinggang dan labuhnya berbeza

T

U

V

W

X

Y

Z

10.0 INDEKS

A

Anugerah 29, 52, 60, 97, 99

Anjer 41, 60, 62, 83

Aida Rahim 21, 28, 35, 58

Aziz M. Osman 24

Amyza Adnan 23

B

Bandar baru Bangi 3, 9, 87

Banting 26

C

D

E

F

G

H

Heykal Hanafiah 19, 27

I

J

K

Khaty Azian i, ii, iii, iv, v, 6, 9, 54,61, 62, 67, 71, 82, 84,

Kashful i, iv, v, 1, 8, 62, 69, 70

L

Lakonani, 3, 6, 7, 10, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 24, 27, 28, 30, 31, 33, 35, 40, 45, 47, 48, 50, 51, 53, 56, 57, 58, 59, 60, 62, 72, 74, 75, 76, 78, 79, 80, 82, 93, 94, 95, 96, 97, 98, 99.

M

N

Negeri Sembilan 10, 11, 56, 87

Nyanyian i, 40, 41, 43, 53, 58, 59, 60, 97, 99

Nik Putra 41, 60

O

P

Perak 3, 8, 10, 56, 82, 86, 87,

Perlis 11, 12

Polis 9, 12

Pian Skru 19

Q

R

Roy Azman 23

Raja Mukhriz 19

S

Selangor i, 3, 8, 23, 69, 87

Sabah 28

Sri Aman 10, 15, 20, 87

Sultan Alam Shah 10

Shiha Zikir 19, 23, 58

T

Tanjung Ipoh 10, 67, 88

U

V

W

X

Y

Z

Zul Ariffin 28

Zamarul Hisyam 28

Zulkifli Zain 24

11.0 BIBLIOGRAFI

Ahmad Abd. Kadir. 1987. Sejarah lisan satu kaedah penyelidikan sejarah. *Bulletin*, 16:17-19.

Hisham, Hizral. (2020). (Artikel) Oleh Hizral Tazzif Hisham dan Azizah Hamzah.

Kepentingan Sejarah lisan. Kepentingan Sejarah Lisan. (n.d.). Retrieved December 29, 2022, from <https://www.ukm.my/sejarah/lisan/kepentingansejarahlisan.html>

Mohd. Amin Hassan, "Tradisi Lisan-Sejarah Lisan Dalam Usaha Mengkaji Sejarah Malaysia", *Akademika*, No. 4, January 1974, halaman. 35.

Nadzan Haron, (1979). Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, (09), pp. 44-58.

Saad, Siti & Jan Mohamad, Radia Banu & Jaafar, Cik & Jan, Noor. (2012). PENUKILAN ILMU BAHARU MELALUI SEJARAH LISAN.

Sejarah Lisan. (n.d). Retrieved January 5, 2023 from <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>

12.0 LAMPIRAN

12.1 PROPOSAL



**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR
SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN REKOD
(IM246)
ORAL DOCUMENTATION
(IMR604)**

**PROPOSAL PROJEK SEJARAH LISAN
“LATAR BELAKANG DAN PENGALAMAN HIDUP SEORANG TOKOH VETERAN DALAM
BIDANG SENI HIBURAN”**

**DISEDIAKAN OLEH:
KASHFUL ASRAR BIN SAIFUDDIN (2020812748)
NUR ALIA FARINA BINTI TOHIR (2020897554)**

**DISEDIAKAN UNTUK:
SIR JAFALIZAN BIN MD. JALI**

**TARIKH:
7 NOVEMBER 2022**

PROPOSAL PROJEK SEJARAH LISAN
“LATAR BELAKANG DAN PENGALAMAN HIDUP SEORANG TOKOH VETERAN
DALAM BIDANG SENI HIBURAN”

DISEDIAKAN OLEH:

KASHFUL ASRAR BIN SAIFUDDIN (2020812748)

NUR ALIA FARINA BINTI TOHIR (2020897554)

KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MEDIA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS PUNCAK PERDANA

PENGHARGAAN

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan menitipkan sebuah penghargaan kepada Puan Norazian Binti Salehan atau Puan d kerana sudi menerima pelawaan kami untuk menjadi tokoh di dalam tugas yang diberikan ini. Kami merasa bersyukur kerana beliau sudi untuk meluangkan masa untuk membantu kami melaksanakan tugas ini meskipun beliau mempunyai jadual yang padat dan sibuk. Oleh itu, kami mengucapkan penghargaan setingginya buat beliau. Tanpa bantuan yang diberikan oleh beliau, kami tidak akan dapat melaksanakan tugas ini dengan baik serta lancar.

Selain itu, kami turut ingin merakamkan sejuta penghargaan kepada pensyarah kami bagi subjek *Oral Documentation*, kod subjek IMR604 iaitu Encik Jafalizan Md Jali kerana telah memberikan bimbingan serta tunjuk ajar terhadap tugas sejarah lisan ini yang mana telah membantu kami dalam memperbaiki dan memberi nasihat sehingga tugas ini berjaya dilaksanakan dengan baik.

Seterusnya, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan tugas ini sehingga berjaya. Dengan izin Yang Maha Kuasa, kami dapat menyelesaikan tugas kami dengan baik serta mengikut waktu yang telah ditetapkan. Tambahan pula, penghargaan buat rakan-rakan, ibu bapa keluarga yang mana telah banyak memberikan sokongan moral dalam menyelesaikan tugas ini. Akhir sekali, terima kasih sekali lagi bagi pihak-pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas yang penuh dengan cabaran ini.

1.0 PENGENALAN

Industri kreatif merupakan salah satu sumber penting dalam pertumbuhan ekonomi dan pertumbuhan budaya bagi negara-negara maju. Untuk itu, kerajaan menyedari bahawa rakyat negara ini mampu menjadikan industri kreatif sebagai sumber pekerjaan dan pendapatan negara, seterusnya mencapai sasaran ekonomi negara berpendapatan tinggi. Kreativiti merupakan sesuatu yang berasaskan bakat, kebolehan yang dirancang secara bersepadu oleh individu atau kumpulan dengan mengambil kira nilai-nilai seni dan budaya tempatan serta penggunaan teknologi bagi menghasilkan produk yang berkualiti bagi memenuhi pasaran. Merujuk kepada Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) industri kreatif ialah industri-industri yang melibatkan kreativiti individu, keterampilan, dan bakat yang mempunyai potensi menjana kekayaan serta penciptaan peluang pekerjaan melalui penggalakan dan eksploitasi harta intelek. Dengan kata lain, industri kreatif merujuk kepada seni untuk ekonomi yang melibatkan individu-individu berbakat, pihak korporat dan seterusnya memberi implikasi kepada negara dari segi pendapatan dan imej negara menurut Dasar Industri Kreatif Negara. Industri seni di Malaysia merupakan salah satu industri kreatif yang melibatkan penggiat-penggiat seni dalam Malaysia. Oleh itu, tujuan penyelidikan ini dibuat adalah untuk mengetahui latar belakang berkenaan tokoh iaitu anak seni Malaysia. Hal ini kerana, artis atau penggiat seni ini perlu diraikan dan juga secara tidak langsung memberi mesej yang berguna kepada masyarakat melalui pentas yang meluas dengan cara mereka yang tersendiri. Artis veteran telah mewarnai industri perfileman dalam negara Malaysia dan telah banyak memberi sumbangan dengan mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa melalui anugerah yang dimenangi serta banyak mencorakkan kehidupan masyarakat pada ketika itu.

Untuk menambahkan lagi maklumat mengenai pengalaman individu yang bergelar sebagai anak seni, satu kajian telah dijalankan dengan cara menemu bual seorang artis veteran yang mempunyai banyak pengalaman dalam bidang lakonan. Daripada kajian yang dijalankan ini secara tidak langsung berpeluang untuk mendapatkan lebih banyak maklumat yang berguna untuk kajian yang dijalankan. Ia seterusnya dijadikan bahan rujukan kepada pihak yang memerlukan maklumat tentang artis veteran ini pada masa akan datang.

Jika dilihat daripada sudut positif, bidang seni mempunyai tujuan yang tertentu. Sudah tentu kepentingan bidang ini memberi manfaat kepada masyarakat keseluruhannya. Sejak berzaman lagi, bidang seni ini telah memainkan peranan yang amat penting kepada masyarakat

Malaysia. Dari segi pendidikan, bidang ini dapat memupuk bakat dan minat dalam jangka masa panjang supaya memiliki ciri insan yang memiliki seni, mempunyai citarasa seni yang tinggi dan kreatif. Sebagai ahli dalam masyarakat, aspek komunikasi yang berkesan amat penting. Proses penyampaian komunikasi yang baik dan berkesan dapat mencerminkan perspektif sosialisasi yang baik. Bidang seni ini sebagai media mendidik dan mengkritik yang lazim digunakan dan berkesan sebagai media komunikasi. Aspek seni seperti wayang kulit, wayang orang dan seni teater dan seumpamanya mempunyai pesanan atau mesej dalam bentuk komunikasi lisan dengan tujuan mendidik masyarakat. Seterusnya, aspek identiti merupakan medium seni dalam masyarakat Malaysia. Aktiviti seni telah membentuk suatu identiti bangsa Malaysia yang amat unik sekali. Identiti ini seterusnya menjadi pegangan dan amalan hidup seharian masyarakat di negara kita. Keunikan identiti ini telah menjadikan masyarakat Malaysia sebagai salah sebuah masyarakat di dunia yang mempunyai kepelbagaian aktiviti seni. Justeru, hal ini merupakan simbol keagungan negara di mata dunia sebagai sebuah negara multikultural yang disanjung tinggi serta dihormati. Oleh itu, ia sesuai dengan kajian yang dilakukan ini kerana industri seni mempunyai kepentingannya untuk didokumentasikan. Salah satu kepentingan seni untuk didokumentasikan adalah sebagai bahan bukti bahawa industri seni ataupun tokoh pernah wujud dalam Malaysia. Dengan adanya bukti tersebut, ia akan menjadikan industri seni itu lebih dipercayai dan diangkat martabatnya di mana-mana sahaja atau dengan kata lain industri seni tidak akan mudah diperlekehkan oleh mana-mana dengan adanya bukti pendokumentasian tersebut. Di samping itu, ia dapat dijadikan bahan rujukan pada masa akan datang. Hal ini kerana masih terdapat kurangnya buku-buku atau maklumat yang sahih berkaitan dengan industri seni ataupun tokoh dalam bidang ini. Ia akan menambahkan lagi koleksi atau maklumat-maklumat baru tentang industri seni tanah air ini.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian yang akan dijalankan ini merupakan kajian penyelidikan berkenaan pengalaman seseorang individu yang mempunyai banyak pengalaman dalam bidang lakonan dalam Malaysia. Kajian yang dijalankan ini penting dalam aspek pendidikan untuk masa hadapan untuk anak-anak muda pada generasi akan datang. Kajian ini juga penting untuk pendokumentasian oleh kerana kajian penyelidikan ini berkenaan dengan pengalaman seseorang individu yang berpengalaman dalam bidang lakonan terutamanya di Malaysia. Jadi, tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui pengalaman kerjaya individu tersebut dengan lebih mendalam semasa individu tersebut menjadi anak seni negara. Selain itu, kajian ini dapat dijadikan bahan bukti pada masa akan datang jika terdapat pihak yang cuba untuk menafikan kerjaya individu tersebut (Utusan Malaysia, 20 Mac 2022). Jadi dengan adanya bukti tersebut, ia akan membuatkan maklumat tentang kerjaya seni individu tersebut lebih bernilai, dihargai dan tidak dilupakan begitu sahaja. Bukan itu sahaja, malah kajian ini akan menjadi bahan rujukan dalam pelbagai aspek terutamanya dalam bidang seni tanah air. Bahan rujukan tersebut akan menjadi serampang dua mata kepada pelbagai pihak untuk meneroka lebih banyak lagi berkaitan dengan seni di Malaysia. Hal ini dikatakan sedemikian kerana ia bukan sahaja dapat menambah ilmu tentang seni tetapi ia turut menjadikan tokoh ataupun sejarah seni di Malaysia lebih terpelihara. Hal tersebut seterusnya dapat menambahkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat di luar sana. Dengan adanya ilmu pengetahuan tentang sejarah seni tanah air, jasa tokoh-tokoh penggiat seni dan sejarah seni di sebalik cabaran yang mereka hadapi dalam bidang kerjaya mereka akan lebih dihargai. Kajian ini secara tidak langsung dapat dijadikan pemeliharaan seni tanah air di Malaysia (Eko Prayitno Joko, 2020). Dengan kajian yang dilakukan ini, sejarah seni di Malaysia akan menjadi lebih bernilai kerana kajian ini didokumentasikan dalam bentuk tulisan dan ia sekaligus menggambarkan bahawa sumbangan para penggiat seni lebih bernilai dan dihargai di mata masyarakat. (Nur Shima, 2019).

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam kajian ini penting dilakukan kerana ingin mengetahui dengan lebih mendalam faktor-faktor tokoh berminat terlibat dalam bidang seni tanah air. Kajian yang dijalankan ini juga untuk mengetahui pengalaman hidup tokoh tersebut bermula daripada beliau mula berkecimpung dalam kariernya khususnya dalam bidang lakonan sehinggalah pada masa kini. Selain itu, kajian yang dijalankan ini turut merungkai pencapaian-pencapaian yang telah diperolehi oleh tokoh yang akan di temubual nanti. Pencapaian tersebut akan menjadi bukti bahawasanya tokoh tersebut pernah mewarnai seni tanah air negara pada suatu era dahulu meskipun tokoh tersebut tidak lagi kelihatan dalam seni lakonan pada masa kini ataupun pada masa akan datang. Seperti yang diketahui, bidang lakonan bukan sahaja ada kemanisannya seperti yang disangkakan malah ada juga pahitnya. Hal ini kerana jika tidak mendalami bidang ini dengan teliti, industri lakonan merupakan salah satu bidang yang mempunyai cabarannya yang tersendiri dan ia juga menguji fizikal dan mental seseorang yang terlibat dalam bidang ini. Antara cabaran ataupun masalah yang dihadapi oleh generasi muda jika tidak mendalami bidang seni ialah kurangnya kesedaran terhadap industri kreatif khususnya industri seni. Generasi muda sering memandang rendah kepada mereka yang terlibat dalam industri ini. Malah, mereka beranggapan bahawa bidang ini tidak mempunyai nilai ekonomi dan komersial yang tinggi. Imej karyawan di negara ini jauh lebih rendah berbanding dengan bidang-bidang profesional yang lain. (Dasar Industri Kreatif Negara, 2009). Selain itu, apresiasi masyarakat terhadap nilai estetika kesenian juga masih rendah dan sering dipinggirkan. Ini kerana nilai estetika adalah subjektif iaitu pentakrifan terhadap sesuatu karya atau produk, berbeza antara seorang individu dengan individu yang lain. Oleh itu, karya kreatif sukar dinilai dalam konteks komersial. Di samping itu, pembangunan modal insan juga salah satu masalah yang dihadapi jika tidak mendalami bidang seni. Industri seni merupakan industri yang unik kerana memerlukan modal insan yang terdiri daripada mereka yang mempunyai minat, bakat dan kebolehan tersendiri. Pada masa ini, kebanyakan karyawan memperoleh kemahiran melalui tacit knowledge. Akhir sekali, persaingan merupakan masalah yang dihadapi jika tidak begitu mendalami bidang seni ini. Memandangkan Malaysia merupakan salah sebuah negara di Kepulauan Melayu yang mempunyai latar seni yang hampir sama, aspek persaingan adalah antara aspek yang tidak dapat dielakkan. Persamaan bakat dengan negara-negara jiran seperti Singapura mewujudkan persaingan dalam merebut tempat dalam industri seni. Ekoran daripada hal tersebut ia secara tidak langsung akan memberikan kesan kepada pelbagai generasi khususnya generasi baru pada abad ini.

Antara kesannya kepada generasi baru ialah mereka tidak mempunyai banyak maklumat tentang sejarah tokoh. Ia kerana tidak banyak atau mungkin tidak ada buku-buku ataupun bahan rujukan yang mendokumentasikan sejarah-sejarah tentang tokoh tersebut. Antara sebab lain adalah generasi baru semakin lupa akan nilai keistimewaan suatu kisah atau tokoh tersebut yang dahulunya menjadi sebutan ramai. Perkara ini jelas dapat dilihat pada zaman sekarang yang mana masyarakat pada zaman sekarang kurang mengenali tokoh-tokoh veteran yang terdahulu. Generasi pada masa kini tidak dapat disalahkan kerana kita sedia maklum mengenai kurangnya rujukan mengenai sejarah lakonan sehingga menyebabkan mereka tidak mengambil tahu mengenai lakonan tersebut.

Di samping itu, generasi baru akan lebih menghargai orang luar khususnya tokoh-tokoh dalam bidang lakonan juga merupakan kesan kepada generasi baru. Dengan itu, mereka akan lebih mengingati jasa-jasa anak seni negara dalam membawa nama tanah air dalam industri seni seperti lakonan dan pelbagai lagi. Tambahan pula, rujukan yang ada pada masa kini tidak dapat dipastikan kesahihannya yang mana menjadi satu permasalahan pada masa kini. Oleh itu, kajian ini dapat membantu untuk mengulas mengenai lakonan, perbezaan yang sedia ada dan bagaimana kita sepatutnya memahami dan menghargai sesebuah karya lakonan. Daripada situ, dapat mengetahui akar umbi sebuah lakonan dan menyebabkan generasi baru menghargai lakonan yang ada pada masa kini. Hal ini kerana, kita dapat melihat terdapat jurang perbezaan bagaimana sebuah lakonan dilakonkan pada zaman dahulu berbanding zaman sekarang. Menghargai tokoh-tokoh veteran serta pelakon-pelakon terdahulu amatlah penting agar kita mengetahui bahawa tidak mudah bagi menghasilkan sesebuah karya lakonan dan oleh itu, kajian ini dapat membantu generasi baru lebih menghargai orang luar khususnya tokoh-tokoh dalam bidang lakonan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian yang dijalankan mengenai kajian sejarah lisan ini adalah:

- i) Untuk mengetahui latar belakang tokoh
- ii) Untuk mendokumentasikan pencapaian tokoh
- iii) Untuk mengetahui cabaran sebagai anak seni

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian yang dihasilkan ialah:

- i) Apakah latar belakang tokoh?
- ii) Apakah pencapaian-pencapaian tokoh?
- iii) Bagaimanakah tokoh menghadapi cabaran sebagai anak seni?

1.5 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini mempunyai kepentingannya dalam pelbagai sudut. Antara kepentingan kajian ini ialah kita akan mendapat maklumat baru tentang tokoh. Dalam hal ini, segala maklumat baru yang pengkaji dapat akan menambahkan lagi input yang sedia ada tentang tokoh dalam mana-mana platform berkaitan dengan seni tanah air negara. Seterusnya ia akan menjadi bukti yang relevan untuk dijadikan bahan rujukan pada masa akan datang. Dari situ, jelaslah bahawa tokoh tersebut pernah terlibat dan terlihat dalam merencanakan dunia seni tanah air pada suatu ketika dahulu kala. Hal ini kerana, rujukan adalah sesuatu yang amat penting bagi pelbagai pihak seperti penyelidik, pelajar mahupun orang awam kerana ianya memberikan maklumat-maklumat penting yang mana dapat membantu mereka dalam menambah pengetahuan mereka ataupun kajian mereka. Dalam hal ini, sejarah lisan telah dilakukan bersama dengan tokoh yang mempunyai pengalaman serta penglibatan secara langsung melalui topik yang dibincangkan. Mohd Yusof Ibrahim ada menyatakan bahawa kebenaran sejarah, bergantung kepada sumber-sumber yang diperolehi yang boleh memberikan maklumat iaitu salah satu daripada unsur penting yang akan memperkukuhkan kebenaran penulisannya. (Mohd Yusof Ibrahim, 1997).

Daripada sumbangan kajian pula, ia akan dapat merungkai permasalahan tentang industri seni tanah air dan ia akan wujudnya naskah tentang tokoh tersebut. Hal ini kerana, seperti yang diketahui, kajian ini berkaitan dengan tokoh veteran yang terkenal iaitu Puan Norazian binti Salehan. Melalui kajian ini, pelbagai maklumat yang telah dikongsikan oleh tokoh tersebut dan antaranya ialah bagaimana industri seni tanah air itu mula berkembang khususnya di Malaysia. Kita sedia maklum pada zaman dahulu kurangnya teknologi yang sedia ada seperti sekarang hingga menyebabkan pembikinan sebuah drama atau filem itu sukar tetapi kurangnya teknologi canggih seperti sekarang mampu menghasilkan karya-karya lakonan yang mantap dan menaikkan industri seni tanah air.

Selain itu, membantu industri seni untuk mendokumentasikan latar belakang tokoh, pencapaian tokoh dan lain-lain lagi. Dengan itu, ia akan membantu industri seni dan negara dalam bidang seni tanah air. Hal ini kerana, seperti yang dapat kita lihat pada masa kini, kurangnya pendedahan dan penghargaan mengenai tokoh-tokoh veteran di Malaysia sehingga segelintir generasi pada masa kini tidak mengenali tokoh-tokoh tersebut. Hal ini perlulah didokumentasikan kerana tokoh-tokoh veteran merupakan penyumbang terbesar kepada karya

seni yang dihasilkan oleh karya tempatan. Oleh itu, dengan adanya kajian ini ianya dapat digunakan pada masa kini dan juga untuk generasi pada masa kan datang yang mana akan sentiasa mengingatkan mereka untuk menambah pengetahuan tentang tokoh-tokoh di Malaysia dan dapat memupuk masyarakat bagi menghargai karya seni supaya dapat memartabatkan karya-karya tokoh veteran bagi kemajuan negara.

Akhir sekali, kajian ini akan dapat menambahkan kearifan tempatan mengenai dunia lakonan. Kita sedia maklum bahawa tokoh veteran Puan Norazian Salehan telah berada di dalam dunia lakonan selama empat dekad berturut-turut yang menjadikan beliau arif mengenai lakonan. Oleh itu kajian ini dapat membantu dalam memberikan gambaran tentang bagaimana sesebuah lakonan dilakonkan serta apakah kualiti yang diperlukan dalam membawa sesebuah watak tersebut. Bukan itu sahaja, kita dapat memahami bahawa tidak mudah menjadi seorang pelakon dan pelbagai cabaran yang perlu dihadapi maka oleh itu, kajian ini dapat memberikan kesedaran dalam menghargai setiap lakonan yang ada pada masa kini serta pada masa dahulu. Jelaslah, kajian ini bukan sahaja sesuai bagi pelajar mahupun para penyelidik, tetapi untuk masyarakat Malaysia yang ingin menambah pengetahuan mengenai dunia lakonan.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Industri Seni

Industri Seni ialah industri terbesar di seluruh dunia khususnya memberikan hiburan kepada semua lapisan masyarakat. Industri seni ini melibatkan ramai golongan seni dan karyawan yang memberikan faedah daripadanya sekiranya ada satu usaha untuk menghimpunkan semuanya di bawah satu bumbung. Industri seni terbahagi kepada beberapa bahagian di mana kajian ini memilih untuk mengkaji seni lakonan. Seni lakonan ini memainkan peranan dalam industri di Malaysia.

Industri Lakonan

Di Malaysia dan Indonesia “lakon” membawa maksud cerita yang dipentaskan. Di Thailand pula istilah yang sama membawa maksud tarian. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017). Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (1985), lakonan ialah satu cara penceritaan yang disampaikan dengan cara meniru dan menghayati diri pelaku (watak) dalam sebuah cerita yang berlainan dengan dirinya yang sebenar.

Justeru itu, terdapat jenis-jenis watak yang perlu dihayati oleh seseorang individu tersebut seperti lakonan artistik iaitu gerak geri seni baik pada percakapan mahupun gerak lakon berbanding dengan realistik iaitu gerak geri biasa lawan kepada artistik.

3.0 METODOLOGI

Untuk kaedah yang akan digunakan dalam kajian penyelidikan ini, kajian ini akan dibuat melalui kaedah temubual bersama tokoh yang dipilih. Temubual merupakan situasi dimana melibatkan perbualan antara penyelidik dengan subjek kajian bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang relevan. Melalui temubual, data diperolehi daripada pemerhatian dapat diperkukuh dan diperlengkapkan. Secara ringkas temubual menurut Rozmi Ismail (2015), ia dimaksudkan sebagai triangulasi bertujuan untuk mengesahkan data atau maklumat yang diperolehi. Dengan melakukan sesi temubual ini, kami akan mendapat lebih banyak informasi berbanding menggunakan kaedah lain. Hal ini kerana, kaedah temubual membolehkan kita bertanya lebih banyak soalan dan lebih jelas. Tambahan pula, dengan menggunakan kaedah temu bual ini, ia akan membuatkan tokoh yang akan di temubual lebih berminat untuk bercerita dan menjawab setiap persoalan yang ditanyakan oleh kami semasa sesi temubual. Secara ringkasnya, kaedah temubual ini dikira sebagai kaedah sejarah lisan.

Menurut Mor Eddin Mortada (2013), kaedah sejarah lisan merupakan satu kaedah di mana kisah lama seseorang tokoh tersebut dirakamkan secara wawancara dan tokoh-tokoh yang dipilih juga biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat yang bersejarah dalam penglibatan mereka dan juga pengalaman mereka yang menghubungkan antara masa atau sesuatu peristiwa. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu akan disemak dan ditaip. Ia seterusnya dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Oleh itu, sejarah lisan merupakan sebuah kaedah yang amat sesuai dalam kajian ini.

3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Bagi menjalankan kajian ini, kaedah yang digunakan mestilah dapat digunakan dengan baik. Oleh itu, kami menggunakan kaedah sejarah lisan kerana kaedah ini sangat berkesan bagi tujuan mengumpul maklumat-maklumat tokoh yang akan di wawancara. Menurut Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan, Perkaitan antara sejarah dan ilmu dengan sejarah lisan sebagai ilmu baharu boleh dilihat dengan memahami maksud ilmu dan sejarah itu sendiri. Secara tidak langsung ia dapat memberi gambaran tentang ilmu baharu atau informasi yang dapat dihasilkan melalui sejarah lisan. Menurut Ahmad (1987), sejarah lisan adalah satu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan. Kaedah ini melibatkan proses wawancara dan merakam ke dalam pita tentang keterangan-keterangan orang yang mengetahui sesuatu peristiwa sejarah sama ada melalui penglibatannya secara langsung dalam peristiwa itu atau sekadar menyaksikannya. Oleh itu, kaedah sejarah lisan ini amatlah berkesan dalam membuat penyelidikan tentang tokoh yang akan ditemuramah. Dengan menggunakan kaedah ini, ia akan membantu pengkaji untuk mengumpul maklumat berkenaan dengan kajian tentang tokoh yang telah dipilih dengan berkesan.

3.2 PESERTA KAJIAN

Tokoh yang kami bercadang untuk mengadakan sesi temubual adalah merupakan seorang pelakon terkenal dalam industri layar perak dan merupakan seorang yang serba boleh daripada segi lakonan di Malaysia.

Norazian Salehan atau lebih dikenali sebagai Khaty Azian dilahirkan pada 6 November 1966. Khaty Azian adalah seorang pelakon, penyanyi dan pengacara wanita Malaysia. Tokoh juga turut menjadi Pengurus Promosi Jualan dan Penganjuran Acara di Belina Cosmetic Sdn. Bhd. Khaty mula dikenali apabila melakonkan watak Khaty dalam drama bersiri popular 1980-an, *Opah*. Khaty pernah merakamkan lagu berjudul *Blues Anjer* ciptaan komposer Ezra Yaacob sekitar 2016.

3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

CARTA GANTT PROJEK

Aktiviti	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Konsultasi bersama pensyarah														
Pembahagian kumpulan														
Perbincangan bersama ahli kumpulan														
Pemilihan tokoh dan tajuk														
Pemilihan tarikh temubual awal														
Penyediaan kertas kerja														
Penyediaan surat menyurat														
Mula menghubungi tokoh														
Melakukan temubual awal														
Penyediaan soalan dan alatan														
Menentukan tarikh temubual														
Temubual dijalankan														
Penghargaan dan pembentangan														

4.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, sejarah lisan membuktikan bahawa ianya amatlah penting dalam merakamkan sebuah perkara yang mana terutamanya dapat memberikan kebaikan pada masa akan datang. Setiap perkara yang dirakamkan melalui seseorang yang mempunyai pengalaman tersebut dapat menunjukkan bahawa banyak perkara yang tidak diketahui oleh masyarakat di luar sana tetapi melalui sejarah lisan masyarakat akan lebih mudah mengetahui mengenai perkara tersebut melalui sumber yang dipercayai. Walaupun sejarah lisan belum wujud dalam konsep teorikal yang jelas, namun pemahaman kita terhadap memori individu dan kolektif masih jelas dan meningkat. Walaupun begitu, sejarah lisan masih dianggap oleh majoriti ahli sejarah sebagai suatu metodologi. Sejarah lisan sering muncul untuk menjadi proses teknikal yang lebih atau kurang dalam mencatat jawapan informal serta seterusnya ia direkodkan dalam mesin pita dan transkrip. Secara keseluruhannya, sejarah lisan amatlah membantu dalam mengetahui mengenai latar belakang seorang tokoh iaitu Khaty Azian dengan lebih mendalam serta mengetahui pengalaman hidup sebagai pelakon yang terkenal. Maka, dengan itu sejarah lisan ini penting untuk memastikan maklumat kajian penyelidik dapat dibuku dan direkodkan untuk kegunaan pada masa akan datang sebagai rujukan.

5.0 RUJUKAN

Ahmad Abd. Kadir. 1987. Sejarah lisan satu kaedah penyelidikan sejarah. *Bulletin*, 16:17-19.

Hisham, Hizral. (2020). (Artikel) Oleh Hizral Tazzif Hisham dan Azizah Hamzah.

Kepentingan Sejarah lisan. Kepentingan Sejarah Lisan. (n.d.). Retrieved December 29, 2022, from <https://www.ukm.my/sejarah/lisan/kepentingansejarahlisan.html>

Mohd. Amin Hassan, "Tradisi Lisan-Sejarah Lisan Dalam Usaha Mengkaji Sejarah Malaysia", *Akademika*, No. 4, January 1974, halaman. 35.

Nadzan Haron, (1979). Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, (09), pp. 44-58.

Saad, Siti & Jan Mohamad, Radia Banu & Jaafar, Cik & Jan, Noor. (2012). PENUKILAN ILMU BAHARU MELALUI SEJARAH LISAN.

Sejarah Lisan. (n.d). Retrieved January 5, 2023 from <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>


12.2 BIOGRAFI TOKOH



NAMA	NORAZIAN BINTI SALEHAN
UMUR	57 TAHUN
BANGSA	MELAYU
AGAMA	ISLAM
TARIKH LAHIR	06 NOVEMBER 1966
TEMPAT LAHIR	PARIT, PERAK
ADIK - BERADIK	6 ORANG
PEKERJAAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. PELAKON 2. PENYANYI 3. PENGACARA 4. PENGURUS PROMOSI JUALAN DAN

	PENGANJURAN ACARA BELINA COSMETIC SDN. BHD.
PENDIDIKAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. SEKOLAH RENDAH SULTAN IDRIS, PERAK. 2. SEKOLAH RENDAH DI TANJUNG IPOH, NEGERI SEMBILAN. 3. SEKOLAH MENENGAH SRI AMAN, PETALING JAYA, SELANGOR.
ALAMAT	34, JALAN 2/4D, BANDAR BARU BANGI, 43650, SELANGOR
STATUS PERKAHWINAN	BERKAHWIN
BILANGAN ANAK	6 ORANG

12.3 SURAT PERJANJIAN


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya NORAZIYAH BINTI SALEHAN K/P: _____ pada _____ dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh NORAZIYAH SALEHAN)
Tarikh: 21/12/2022

(Jafalzan bin Md.Jali)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

12.4 SURAT PENYELIDIKAN

www.uitm.edu.my



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Kolej
Pengkajian Pengkomputeran,
Intimatik dan Media

Surat Kami : 600-FPM(5/2/1)
Tarikh : 7 Nov 2022

Norazian binti Salehan @ Khaty Azian,
Yayasan Artis Veteran
No. 61, Jalan 2, Taman Sri Cheras Jaya,
Selangor, 43200 Cheras.

Tuan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK

Perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari program Ijazah Pengurusan Maklumat (Pengurusan Rekod) (kep) Fakulti Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana, Shah Alam berhasrat untuk menemubual pihak puan, bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik berkaitan bidang seni Industri Malaysia bertarikh 20 Disember 2022 (Selasa) jam 2.30 petang.

2. Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus "Oral Documentation" atau Pendokumentasian Lisan (IMR 604).
3. Senarai nama pelajar yang terlibat:-

NAMA	NO. PELAJAR UITM	NO. TEL.
Kashful Asrar bin Saifuddin	2020812748	013-4421233
Nur Alia Farina Binti Tohir	2020897554	013-9305949

4. Untuk rujukan pihak tuan, berikut adalah senarai beberapa objektif temubual berkaitan projek penyelidikan ini:

- a) Mengkaji latar belakang puan
- b) Mengkaji sejarah sepanjang puan berkarya.
- c) Mengenal pasti cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya puan.

Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak puan, dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.
Yang benar,

JAFALIZAN BIN MD JALI
Pensyarah Kanan
b.p Dekan
Kolej Pengajian Pengkomputeran,
Intimatik dan Media

Kompleks Al-Khawarizmi
Universiti Teknologi MARA
40430 Shah Alam, Selangor Darul
Ehsan
MALAYSIA
Tel: (+603) 5543 5329 / 5307 / 4860



12.5 SURAT PENGAKUAN

12.6 SENARAI SOALAN

BAHAGIAN A: SOALAN ORIENTASI

1. Boleh akak terangkan latar belakang diri akak?
2. Apakah nama penuh akak?
3. Berapakah umur akak?
4. Bila akak dilahirkan?
5. Dimanakah akak dilahirkan?
6. Akak mempunyai nama panggilan di rumah?
7. Sekarang akak menetaop di mana?
8. Apakah hobi yang akak minat sehingga ke hari ini?
9. Adakah akak mempunyai rakan karib ketika kecil dan berapa orang rakan karib yang akak ada ketika itu?
10. Apakah pekerjaan rakan karib akak?
11. Boleh akak ceritakan latar belakang pendidikan akak di sekolah rendah?
12. Dimanakah akak bersekolah, sekolah rendah?
13. Apakah antara mata pelajaran yang akak suka?
14. Ada tak kenangan manis yang akak tak dapat lupakan sama ada kenangan manis atau pahit lah?
15. Adakah bermula pada sekolah rendah bercita-cita ingin menjadi seorang pelakon?
16. Adakah akak menyambung pelajaran selepas SPM (Sijil Pelajaran Malaysia)?
17. Bolehkah akak ceritakan sedikit berkaitan latar belakang keluarga akak?
18. Siapakah nama ibu dan ayah akak?
19. Bagaimana pula dengan umur mereka?
20. Apakah pekerjaan ibu dan ayah akak?
21. Dimanakah ibu dan ayah akak berasal?
22. Bolehkah akak kongsikan nama adik beradik akak?
23. Adakah mereka terlibat juga dalam bidang seni?
24. Boleh kami tahu dimanakah adik beradik akak tinggal?
25. Apakah pekerjaan adik beradik akak?
26. Apakah status perkahwinan adik beradik akak?
27. Boleh kami tahu bilakah akak mendirikan rumah tangga?
28. Bilakah tarikh perkahwinan akak dan suami?
29. Dimanakah akak berkahwin?

30. Bagaimana pula umur suami akak ketika itu?
31. Boleh akak kongsi detik pertama pengenalan akak dengan suami?
32. Bagaimana suasana kenduri akak pada ketika itu?
33. Kalau akak tak keberatan, boleh kami tahu latar belakang suami akak?
34. Apakah nama penuh suami akak?
35. Apakah kenangan dengan suami yang tak boleh lupakan?
36. Boleh akak ceritakan lebih lanjut mengenai ana-anak akak, berapakah bilangan anak-anak akak dan boleh akak kongsi nama anak-anak akak?
37. Bagaimana pula dengan umur mereka?
38. Boleh akak ceritakan sedikit latar belakang pendidikan anak-anak akak?
39. Adakah akak sudah memiliki cucu?
40. Berapakah umur cucu-cucu akak?
41. Bagaiman akak mendidik anak-anak akak di rumah, adakah akak bersifat tegas dalam mendidik anak-anak akak di rumah?
42. Bolehkah akak ceritakan tentang kerjaya akak sebelum melibatkan diri dalam bidang lakonan?

BAHAGIAN B: SOALAN UMUM

43. Apakah pendapat akak tentang dunia seni lakonan, bagaimanakah tanggapan akak dalam bidang seni lakonan?
44. Apakah pandangan akak tentang industri lakonan pada masa kini?
45. Apakah pendapat akak terhadap pihak media?
46. Apakah yang akak lakukan ketika bertemu pihak media secara tiba-tiba?
47. Boleh akak ceritakan perjalanan kerjaya akak dalam bidang lakonan?
48. Yang akak bekerja tu, macam mana akak boleh untuk bekerja tu?
49. Selain daripada susu kambing tu, ada produk-produk lain tak?
50. Balik kepada lakonan tadi, adakah lakonan pada masa kini memberi pengajaran dan pengalaman hidup seperti dahulu?
51. Isi daripada cerita-cerita sekarang yang ada?
52. Adakah lakonan pertama akak menjadi batu loncatan untuk akak menempa nama dalam industri lakonan tanah air?
53. Pada pendapat akak, apakah yang membezakan pelakon dahulu dan pada masa kini?

54. Macam akak sendiri, untuk pelakon baru akak bekerjasama ni, macam mana bekerja dengan mereka?
55. Antara pelakon-pelakon baru yang akak bekerjasama pada masa kini, siapa yang akak rasa pelakon yang boleh menempa nama dalam industri tanah air?
56. Apakah perbezaan pengarah lakonan pada masa dahulu dan pada masa kini?
57. Bagi pendapat akak, pengarah masa kini adakah diorang lebih kreatif ataupun sebaliknya?
58. Dalam banyak-banyak pengarah yang akak bekerjasama, siapa pengarah yang akak rasa senang untuk bekerjasama?

BAHAGIAN C: SOALAN SPESIFIK

59. Adakah akak mengimpikan kerjaya sebagai pelakon ini sejak kecil lagi?
60. Bolehkah kami tahu mengapa akak memilih bidang lakonan sebagai pilihan kerjaya akak?
61. Bagaimanakah penerimaan ibu bapa akak dengan bidang yang diceburi ini?
62. Siapakah insan yang bertanggungjawab membawa diri akak dalam bidang lakonan?
63. Apakah yang mendorong akak untuk terus bergiat dalam bidang lakonan?
64. Siapakah idola akak dalam bidang lakonan?
65. Adakah idola-idola akak tu memberikan kesan kepada akak untuk terus melibatkan diri dalam bidang lakonan?
66. Siapakah yang sering menyokong akak dalam meneruskan kerjaya dalam bidang ini? Sehingga sekarang lah?
67. Tadi akak ada cakap yang masa tu ada curi-curi untuk berlakon kan, tapi masa diorang dapat tahu tu, apakah persepsi orang sekeliling akak ketika itu apabila?
68. Masa yang akak cakap pergi ujibakat lakonan tu, siapa yang menjadi juri?
69. Kalau akak ingat bila ujibakat tu dijalankan?
70. Dimanakah lokasi ujibakat tersebut diadakan?
71. Apa perasaan akak pada masa itu?
72. Adakah terdapat calon pelakon yang lain terlibat dalam sesi ujibakat tersebut?
73. Pada ketika itu, ada tak pelakon -pelakon lain yang ternama ada masa ujibakat?
74. Akak masih berhubung baik dengan mereka sehingga kini?

75. Masa ujibakat tersebut, ada tak kenangan-kenangan manis yang akak boleh ingat setakat ini?
76. Boleh akak ceritakan tentang lakonan pertama yang pernah akak lakonkan?
77. Tahun bilakah ia mula disiarkan?
78. Apakah watak yang dipegang oleh akak?
79. Drama Opah ni mengisahkan tentang apa?
80. Berapa orang yang terlibat dalam drama ini?
81. Bagaimanakah drama tersebut dipromosikan?
82. Pernah tak akak kena marah oleh produksi semasa penggambaran drama Opah dijalankan?
83. Macam mana akak dapat melahirkan perasaan dalam pelbagai watak la maksudnya dalam watak Khaty?
84. Bagi akak sendiri lah, apa pengajaran yang boleh diambil melalui drama Opah ni?
85. Adakah drama zaman dulu mempunyai tayangan perdana?
86. Drama tersebut bawah syarikat penerbitan mana?
87. Kalau yang akak ingat, dimanakah lokasi penggambaran itu dijalankan?
88. Selepas drama tu keluar kat RTM macam mana penerimaan masyarakat semasa drama itu mula disiarkan?
89. Mana akak tahu drama Opah tu popular pada masa itu?
90. Apakah antara syarikat penerbitan yang telah menawarkan kepada akak bagi berlakon bawah naungan mereka lah?
91. Adakah bayaran lakonan diterima oleh akak tu ditetapkan oleh tertentu ataupun akak sendiri yang tetapkan?
92. Selain cerita Opah, adakah akak terima tawaran berlakon dalam drama lain?
93. Akak sebagai pelakon, akak selalu berlakon dalam drama dalam filem dan sebagainya tapi kalau akak sendiri sebagai pelakon seorang penonton, favourite akak drama apa?
94. Antara lakonan atau watak yang dipegang oleh akak, adakah banyak disambut baik oleh masyarakat?
95. Siapa antara rakan pelakon yang pernah digandingkan dengan akak?
96. Masa akak tengah berlakon tu, macam mana akak dapatkan keserasian bersama pelakon tu. Contohnya macam tadi akak cakap yang jadi suami isteri tu kan. Macam mana akak dapatkan keserasian tu?
97. Sudikah akak berkongsi pengalaman ketika akak menceburi bidang lakonan terutamanya perkembangan kerjaya akak semasa COVID-19?

98. Pengalaman akak dalam bidang lakonan terutamanya masa COVID dulu?
99. Akak pernah mengalami pengalaman seram tak ketika penggambaran tu [itu] dijalankan?
100. Bagi pendapat akak lah, industri lakonan Malaysia dan industri lakonan di negara luar, apa perbezaan ataupun adakah –?
101. Adakah terdapat prosedur tu yang perlu dipatuhi ketika penggambaran dijalankan?
Adakah terdapat perbezaan dalam melakonkan watak-watak dalam drama ataupun filem mengikut sesebuah syarikat penerbitan?
102. Kalau akak la apa yang akak lakukan sebelum nak mula penggambaran tu?
103. Adakah pelakon dibenarkan pulang selepas penggambaran ataupun harus tunggu sehingga penggambaran selesai?
104. Saya nak tanya kalau macam pelakon tu kan ada pengalaman tak akak macam pada hari tu mereka kata oh scene akak terpaksa dilakonkan pada esok hari ada tak macamtu?
105. Antara drama ataupun filem, akak lebih digemari yang mana?
106. Bagaimana pula dengan pemilihan pakaian semasa penggambaran?
107. Pernahkah tak akak melakukan penggambaran masa hujan ke, hujan lebat?
108. Adakah akak mempunyai pembantu masa menguruskan persiapan terutamanya semasa penggambaran tu?
109. Bagi akak apa yang perlu akak elakkan semasa set penggambaran tu, semasa di set penggambaran?
110. Kalau akak rasa gugup kan untuk berlakon aaa bagaimana akak mengatasi rasa gugup itu?
111. Semasa penggambaran pasti ada cabaran-cabaran tersendiri aaa jika tidak keberatan akak boleh tak kongsi cabaran itu?
112. Masa akak berlakon tu ada tak macam kecederaan berat ataupun kecik laa?
113. Siapa yang menjadi inspirasi akak dalam bidang lakonan sehingga ke hari ini?
114. Antara yang akak paling jadi inspirasi untuk akak?
115. Boleh akak cerita sikit pengalaman dengan peminat dekat luar?
116. Bagaimana cara layanan mereka macamtu?
117. Bagaimana cara akak menarik lebih ramai penonton untuk menonton wa aaa drama yang aaa akak lakonkan?

118. Kalau bagi pandangan akak la, persepsi akak untuk penonton yang aaa negatif macam oh dia ni macam ni macam ni dekat luar?
119. Apa yang akak harapkan daripada penonton untuk drama-drama akak?
120. Untuk akak sendirilah pengalaman akak dengan masa mula-mula akak berlakon sampai industri sekarang kan apa perbezaan penonton maksudnya penerimaan penonton maksudnya dulu mereka lebih vokal dalam lontarkan komen ataupun sekarang lagi –?
121. Masa akak berlakon itu akak pernah diganggu oleh peminat-peminat akak tak maksudnya ada –?
122. Apa prinsip akak menjadi seorang penyanyi sebab akak kata tadi akak ada –?
123. Selepas itu bagaimanakah akak dapat mengekalkan sesuatu personaliti sebagai pelakon itu?
124. Adakah akak ini pernah berhadapan dengan pelakon yang tidak berkualiti ke ataupun personaliti yang negatif aaa?
125. Ketika zaman kegemilangan akak, adakah akak pernah dikaitkan dengan kontroversi?
126. Apakah kenangan manis yang masih segar dalam ingatan akak aaa sepanjang karier sehingga sekarang, antara kenangan yang paling manis?
127. Bagi pandangan akak la sejauh mana aaa barisan krew-krew yang akak pernah bekerja ini aaa sejauh mana aaa kepentingan mereka dalam set itu sendiri?
128. Jika boleh kami tahu apakah sumbangan akak dalam industri ini kepada rakan artis?
129. Siapa yang banyak membantu akak dalam sumbangan lakonan ini, industri lakonan ini?
130. Melalui kajian kami, kami mendapati akak ini pernah terlibat dalam bidang nyanyian dan pengacaraan, okey jika akak sudi bolehkah akak menceritakan penglibatan akak dalam bidang nyanyian dan pengacaraan ini? Apa genre nyanyian yang telah akak bawakan?
131. Pada tahun bilakah nyanyian tersebut aaa dirakamkan?
132. Adakah nama single ataupun album yang akak –?
133. Berapa lama masa yang diambil untuk merakamkan satu-satu lagu?
134. Jika boleh kami tahu apa tajuk lagu tersebut?
135. Apa lagu kegemaran akak?
136. Apa matlamat akak untuk menyertai bidang nyanyian ini?

137. Kami dapat tahu bahawa akak ini menceburi bidang pengacaraan juga, jadi bila akak mula berminat untuk menceburi bidang pengacaraan?
138. Apa yang menyebabkan akak untuk terlibat dalam bidang pengacaraan?
139. Siapa individu yang menawarkan pengacaraan itu?
140. Sekiranya akak ingat la aaa apa nama program ataupun majlis yang akak mengacarakan?
141. Di mana program tersebut dilangsungkan?
142. Kalau kita tahu kan bidang pengacaraan ini bidang yang mementingkan prosedur untuk menjayakannya, jadi bagaimana akak dapat ikut prosedur tersebut?
143. Apa perkembangan terkini akak? Boleh akak ceritakan sedikit aaa adakah akak masih menerima tawaran untuk berlakon?
144. Adakah bayaran tersebut aaa sama seperti lakonan yang sekarang ataupun dahulu?
145. Selain berlakon, adakah akak mempunyai punca atau sumber rezeki lain?
146. Bagaimana akak dapat idea tersebut?
147. Maksudnya sebelum akak untuk terima sesuatu produk tu akak akan tengok dulu tak produk itu macam mana?
148. Untuk menjayakan produk-produk tersebut kan, akak macam ambil inisiatif macam mana untuk memakai produk tu ke?
149. Ada sepanjang akak ambil produk-produk yang akak pernah aaa wakikan itu, ada ada produk itu macam –?
150. Tak boleh sebut lah nama dia?
151. Okey apa perancangan akak dalam industri lakonan untuk masa hadapan?
152. Kalau contoh pada suatu masa hari nanti orang lama dah [sudah] tak panggil akak berlakon, macam mana perasaan akak?
153. Selepas itu, kalau akak nak bekerja dalam bidang lain, apa bidang yang akak akan ceburi?
154. Apa harapan akak terhadap seni lakonan untuk hari ini?
155. Sekarang macam banyak gosip-gosip pasal lakonan apa semua bagaimana akak –?
156. Macam pendapat akak sekarang kan cara mereka promosikan dia punya contoh lagu ke ataupun lakonan itu kan mesti kena ada gosip, akak rasa perkara itu –
157. Bagi akak la bagaimana pula aplikasi TikTok itu dapat me apa menaikkan nama para pelakon –?

158. Kalau akak patut ke kita macam mula-mula aplikasi TikTok yang mendapat tempat bukannya aplikasi yang macam mula-mula yang menyebarkan –?
159. Bagi akak lah hmm contoh macam akak sebelum ini akak ada cakap pelakon akan melalui fasa dia kan, satu fasa –?
160. Apakah cabaran yang akan dilalui oleh pelakon yang aaa berkecimpung baru dalam lakonan?
161. Apa cadangan akak untuk meningkatkan pencapaian dalam bidang lakonan terutamanya di Malaysia ini?
162. Kalau bagi akak la, kalau akak jumpa dengan pelakon yang muda, baru nak naik selepas itu dia macam sombong, bagaimana akak nak nasihat dia?
163. Bagi akak la aaa apa anugerah yang akak impikan selama ini?
164. Apa antara anugerah yang paling berharga yang pernah akak capai selama bergelar jadi anak seni?
165. Apakah impian akak untuk masa hadapan aaa terutamanya kepada pelbagai bidang la, bidang lakonan, bidang nyanyian?
166. Kalau akak tak keberatan la, sampai bila akak nak berjuang dalam industri lakonan ini?
167. Kalau untuk menyanyi?
168. Macam sebagai seorang pelakon ini, akak nak peminat akak ingat akak sebagai apa?


12.7 DIARI PENYELIDIKAN

BIL	TARIKH	AKTIVITI	CATATAN
1.	12/10/2022	Membentuk kumpulan	Selesai
2.	19/10/2022	Perbincangan mengenai dengan topik Sejarah Lisan	Selesai
3.	26/10/2022	Menetapkan topik dan tokoh yang ingin ditemuduga	Selesai
4.	31/10/2022	Perbincangan dengan pensyarah mengenai dengan cara untuk berhubung dengan tokoh	Selesai
5.	7/11/2022	Menghantar rangka proposal	Selesai
6.	7/11/2022	Perbincangan dengan pensyarah mengenai dengan proposal	Selesai
7.	1/12/2022	Meminta pensyarah menyemak semula rangka proposal	Selesai
8.	13/12/2022	Membuat surat kebenaran penyelidikan dengan segera	Selesai
9.	13/12/2022	Meminta pensyarah menyemak surat kebenaran penyelidikan	Selesai
10.	13/12/2022	Melakukan pembedulan surat penyelidikan	Selesai
11.	13/12/2022	Meminta pensyarah menyemak semula surat kebenaran kali kedua dan melakukan pembedulan	Selesai
12.	13/12/2022	Mendapatkan tandatangan pensyarah iaitu Encik Jafalizan bin Md Jali sebagai bukti kebenaran untuk kami pergi preliminary serta memeriksa ayat mesej sebelum menghantar mesej kepada tokoh melalui Whatsapp	Selesai
13.	14/12/2022	Menghantar mesej kepada tokoh dan memaklumkan bahawa beliau dipilih sebagai tokoh kami dan lampirkan surat kebenaran penyelidikan di Whatsapp	Selesai
14.	14/12/2022	Kami menghubungi semula tokoh dan tokoh bersetuju untuk ditemubual	Selesai
15.	21/12/2022	Memaklumkan kepada tokoh bahawa adanya preliminary pada 21/12/2022	Selesai

16	21/12/2022	Melakukan preliminary bersama tokoh	Selesai
17.	27/12/2022	Merangka soalan temubual	Selesai
18.	30/12/2022	Melakukan pembetulan rangka proposal	Selesai
19.	30/12./2022	Meminta kawan untuk menyemak soalan temubual sebelum dihantar kepada pensyarah	Selesai
20.	11/1/2023	Meminta pensyarah menyemak soalan temubual yang telah disemak oleh kawan	Selesai
21.	11/1/2023	Membuat pembetulan soalan temubual	Selesai
22.	12/1/2023	Meminta pensyarah menyemak semula soalan temubual yang sudah lengkap	Selesai
23.	26/1/2023	Menjalankan temubual bersama tokoh	Selesai

12.8 GAMBAR





BLUES anJer

Aku yang di lahirkan kedunia
hidup... perjuangin kesenian
Mengahiburkan.. mana yang mahu berhibur dengan ku
Aku berati usaha redha seiringan
Razak datang Tuhan saja teman
Aku terima apapun pemberian NYA
Aku berayatur dengan NYA
Aku penghibur..

ulang

Aku penghibur
Didunia fana
Aku penghibur
Untuk semua

Anjer Menghibur Untuk Semua

Lagu - Ezra Yaacob
Lirik - Shazlina
Terbitan - Heavy Rock Production



